

**NILAI - NILAI INSANIAH DAN ROBBANIAH DALAM DRAMA  
*QURANBURUK* BERDASARKAN TEORI TAABUDIYAH**

**NURUL UMAIRAH BINTI MOHAMAD FAUZI**

UNIVERSITI  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
MALAYSIA  
2024  
KELANTAN



**Nilai - Nilai Insaniah dan Robbaniah dalam Drama *QuranBuruk*  
berdasarkan Teori Taabudiyah**

**NURUL UMAIRAH BINTI MOHAMAD FAUZI**  
**C20A1376**

**Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada  
syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan  
dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan**

**2024**

**PERAKUAN TESIS**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan bagi tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

*umairan*

---

Tandatangan Pelajar

Nama: Nurul Umairah Binti Mohamad  
Fauzi  
No. Kad Pengenalan: 000426-02-0464  
Tarikh: 12 Februari 2024

---

Tandatangan Penyelia

Nama: Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi  
Tarikh: 20 Februari 2024

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Hadrat Ilahi bahan dengan rahmat-Nya saya dapat menyediakan dan menyiapkan kajian dengan jayanya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Bachok kerana memberi peluang kepada saya untuk menghasilkan kajian ini dengan menyediakan kemudahan seperti perpustakaan untuk memudahkan saya untuk mendapatkan bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi selaku penyelia, beliau telah banyak meluangkan masa dan waktu serta membimbing saya dalam menyiapkan projek akhir saya ini.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kerana mempercayai saya dalam menjalankan tugas ini sehingga kejayaannya. Tidak lupa juga kepada ibu bapa saya yang banyak memberi nasihat dan wang ringgit dalam menghasilkan projek akhir ini. Tanpa sokongan dan dorongan daripada mereka, mungkin tidak dapat saya menghasilkan tugas ini dengan sempurna. Selain itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang turut membantu dalam berkongsi idea dan bertukar pandangan tentang kajian yang saya lakukan. Akhir kata, saya sangat bersyukur kerana dapat mengatasi pelbagai masalah dan kekangan yang berlaku semasa saya menyiapkan tugas ini. Segala permasalahan ini membuatkan saya kenal erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan.

Sekian terima kasih.

**KANDUNGAN**

	Halaman
<b>PERAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>vii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>viii</b>
 <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1. Pengenalan	1-5
1.2. Latar belakang kajian	6-8
1.3. Penyataan masalah	9-13
1.4. Objektif kajian	14
1.5. Persoalan kajian	15
1.6. Skop dan batasan kajian	16-17
1.7. Kepentingan kajian	18-20
1.8. Definisi Operasional	21-26
1.9. Organisasi bab	27-30
1.10. Rumusan	31

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1. Pengenalan	32-35
2.2. Tinjauan literatur berkaitan Nilai	36-39
2.3. Timjauan literatur berkaitan Unsur Insaniah	39-41
2.4. Tinjauan literatur berkaitan Unsur Rabbaniyah	42-43
2.5. Tinjauan literatur berkaitan Teori Ta'abudiyah	43-44
2.6. Tinjauan literatur berkaitan keperibadian yang seimbang	44-45
2.7. Rumusan	46

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1. Pengenalan	47-48
3.2. Rekabentuk kajian	49-50
3.3. Kaedah kajian	51
3.3.1. Kaedah Kepustakaan	51
3.3.2. Kaedah Pemerhatian	52
3.3.3. Kaedah Analisis Tekstual	52
3.4. Proses Pengumpulan Data	53
3.5. Kaedah Analisis Data	54
3.5.1. Struktural	54-55
3.5.2. Teoritikal	56-58

3.6. Instrumen Kajian	58
3.7. Rumusan	59
<b>BAB 4 ANALISIS KAJIAN</b>	
4.1. Pengenalan	60
4.2. Hubungkait Unsur Rabbiah dan Unsur Insaniah menerusi drama <i>Quran Buruk</i> .	61
4.2.1. Unsur Jalinan Ukhuwah	62-67
4.2.2. Unsur Rendah Diri	67-68
4.2.3. Unsur Ketaatan	68-71
4.3. Perkaitan antara Unsur Rabbaniyah dan Unsur Insaniah dalam drama <i>Quran Buruk</i> menerusi Teoro Ta'abudiyah.	72
4.3.1. Latar belakang penulis	72-76
4.3.2. Pengisian karya	77-81
4.4. Keistimewaan Hubungkait antara Unsur Rabbaniyah dan Unsur Insaniah dalam membentuk keperibadian manusia yang seimbang.	81
4.4.1. Pemaparan undur dakwah Islam secara lisan	82-84
4.4.2. Pemaparan unsur dakwah menerusi tingkah laku (visual)	84-86
4.5. Rumusan	87

**BAB 5 RUMUSAN**

5.1. Pengenalan	88
5.2. Hasil Perbincangan	89-91
5.3. Implikasi kajian	92-93
5.3.1. Individu	93-94
5.3.2. Masyarakat	94-95
5.3.3. Negara	95-96
5.4. Cadangan	96
5.4.1. Syarikat penerbitan	96-97
5.4.2. Pengkaji Baharu	97
5.4.3. Pihak Multimedia	97-98
5.5. Rumusan	98
<b>RUJUKAN</b>	99-103

**SENARAI RAJAH**

3.2. Rekabentuk kajian	49
3.4. Proses Pengumpulan Data	53
3.5.2. Teori Ta'abudiyah	56

**SENARAI GAMBAR**

Gambar 1	64
Gambar 2	66
Gambar 3	69

Gambar 4	71
Gambar 5	73
Gambar 6	75
Gambar 7	76
Gambar 8	78
Gambar 9	80
Gambar 10	83
Gambar 11	85

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## Nilai - Nilai Insaniah dan Robbaniah dalam Drama *QuranBuruk* berdasarkan Teori Taabudiyah

### ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang nilai-nilai moral yang terkandung di dalam kehidupan masyarakat. Menerusi kajian ini, pengkaji telah memilih drama *Quran Buruk* sebagai sumber rujukan untuk memperolehi pengisian contoh di dalamnya yang berteraskan konsep teori Taabudiyah yang mempunyai pendekatan pengisian kajian dan juga latar belakang pengarang. Drama yang dipilih oleh pengkaji mempunyai kaitan dengan permasalahan yang disenaraikan di dalam kajian ini iaitu isu berkaitan dengan moral remaja. Menurut pandangan Abu Hassan, Ummi Hani (2011) *Drama dakwah di Malaysia : kajian tentang proses penulisan skrip*, telah menyatakan bahawa konsep dakwah di dalam sesebuah drama telah menjadikan seorang penulis atau pengkarya itu sebagai seorang individu yang bergelar hamba dan juga dikenali sebagai khalifah di dalam muka bumi Allah ini. Oleh itu jelas dapat dilihat bahawa medium seperti penulisan ini juga dapat menjadi medium dakwah kepada masyarakat untuk lebih dekat kepadaNya dalam meningkatkan lagi amal kebaikan. Bukan itu sahaja, setiap huraiyan yang dibuat di dalam penulisan ini mempunyai kaitan yang sama iaitu berkaitan dengan unsur rabbaniyah dan unsur insaniah yang dapat menjadikan seseorang mempunyai keperibadian yang seimbang. Selain daripada itu juga, kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu menerusi kaedah kepustakaan, kaedah pemerhatian dan juga kaedah analisis tekstual. Menerusi kaedah ini dapat membantu pengkaji dalam memperolehi bahan rujukan.

**Kata kunci:** Nilai, drama, Teori Taabudiyah, kaedah kualitatif.

## Moral and Divine Values in the Bad Quran Drama based on the Theory of Taoism

### ABSTRACT

This study discusses the moral values contained in community life. Through this study, the researcher has chosen the Bad Quran drama as a reference source to obtain the filling of examples in it which is based on the theoretical concept of Taabudiyah which has the approach of filling the study and also the author's background. The drama chosen by the researcher is related to the problems listed in this study, which are issues related to the morals of teenagers. According to Abu Hassan's view, Ummi Hani (2011) Da'wah drama in Malaysia: a study of the script writing process, has stated that the concept of da'wah in a drama has made a writer or artist as an individual who holds the title of servant and is also known as a caliph in God's face. Therefore, it can be clearly seen that a medium such as writing can also be a medium of preaching to the community to be closer to Him in increasing good deeds. Not only that, but every description also made in this writing has the same connection, which is related to rabbaniyah elements and insaniah elements that can make a person have a balanced personality. Apart from that, the method used is a qualitative method which is through the library method, the observation method and also the textual analysis method. Using this method can help the researcher in obtaining reference materials.

**Keywords:** Values, drama, Taabudiyah Theory, qualitative method.

UNIVERSITI  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1. PENGENALAN

Menurut pandangan Mohamad Mustari dan M. Taufik Rahman (2014), mendefinisikan nilai ialah sebuah perkara umum yang dapat memberikan sekelompok masyarakat untuk berfikir dalam membuat pemilihan dan bertindak secara adil dan berhemah mengikut standard yang telah diukur. Hal ini demikian kerana, sikap bermoral dan berhemah yang ditunjukkan pada ketika ini bukan sahaja dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat malahan ianya juga dapat menjadi ikutan kepada generasi baru pada masa akan datang. Menurut pandangan Syarifah Alawiyah pada tahun 1985 di dalam kajian Tuan Rahayu Tuan Lasan, Mohd Aderi Che Noh dan Mohd Isa Hamzah (2017) menyatakan bahawa apabila seseorang mudah dipujuk untuk bertindak balas baik atau tidak baik kepada seseorang, keadaan, atau konsep, ini dikenali sebagai sikap. Satu lagi definisi sikap ialah kecenderungan seseorang untuk bertindak bersikap baik atau tidak baik terhadap sesuatu perkara. Kajian ini akan melihat unsur-unsur nilai dalam drama *Quran Buruk* karya Rasyid Sibir menerusi perwatakan yang ada di dalam setiap drama tersebut. Masyarakat yang bertamadun, harmoni dan mampan sebahagia besarnya dibentuk oleh komponen nilai. Nilai kemasyarakatan berfungsi sebagai kerangka moral dan etika untuk kemajuan masyarakat.

Perkataan drama berasal daripada Yunani Kuno *dran*, yang bermaksud melakukan atau bertindak. Takrifan lain drama adalah karya puisi atau pun prosa yang menggunakan pergerakan untuk membincangkan kebimbangan kehidupan sebenar. Drama juga boleh dilihat sebagai satu bentuk seni yang dapat menggambarkan kehidupan sebagaimana keadaan sekeliling. Drama, menurut ahli falsafah Yunani Aristotle, adalah cerminan tamadun,bayangan realiti dari kehidupan. Menurut pandangan Suwardi Endraswara dan M. Hum pada tahun 2011 menyatakan drama merupakan tontonan umum kepada masyarakat yang jelas dan sukar untuk diteliti. Hal ini demikian kerana, hanya penonton yang dapat menghargai setiap karya drama yang dibuat oleh pengarah. Bukan itu sahaja, menurut pandangan Brahim pada tahun 1968 di dalam kajian Suwardi Endraswara dan M. Hum (2011) beliau menyatakan bahawa drama adalah perilaku yang dibuat-buat mengikut teks skrip yang telah disediakan. Seterusnya, beliau menegaskan juga bahawa drama adalah sebuah permainan yang membawa maksud permainan di dalam sesebuah lakonan. Dalam konteks ini, sesebuah permainan drama ini mengandungi unsur yang memiliki pelbagai emosi dari awal penceritaan sehingga akhir penceritaan.

Dalam konteks ini, menerusi permainan drama ini menurut pandangan Suwardi Endraswara dan M. Hum (2011) menyatakan sangat sesuai sekiranya drama ini diperkenalkan dan diajarkan kepada masyarakat malahan juga dipertontonkan. Hal ini demikian kerana drama yang sarat dengan tindakan dapat menjadikan seseorang itu menghayati watak dengan berdialog, bebas dalam bergerak, berani menjiwai setiap babak lakonan. Jika menelusuri setiap watak di dalam drama yang telah dihasilkan hampir sebahagian permainan drama merupakan cerminan dalam kehidupan. Dalam hal ini, terdapat juga di dalam permainan drama ini mempunyai “gudang hitam” yang sarat dengan sejarah gelap dalam kehidupan.Menerusi karya Rasyid Sibir ini, mempunyai

pelbagai emosi yang dapat penonton rasai. Dalam konteks ini, apabila emosi dialami dan diutarakan secara kolektif, wujudlah rasa perpaduan dan persefahaman bersama. Ini boleh membantu orang dalam komuniti membentuk ikatan yang lebih kukuh, serta dapat merapatkan jurang sosial dan menggerakkan lebih banyak sokongan sosial.

Pencapaian yang umum dapat dilihat menerusi pembentukkan generasi membentuk individu yang berinsaniah. Pembentukkan nilai-nilai insaniah bermula daripada golongan anak-anak kecil di dalam keluarga dan juga golongan remaja. Hal ini demikian kerana, menurut pandangan Ma'mor Bin Yusoff (2016) di dalam kajian beliau menyatakan bahawa usaha dalam benih insan yang berkeperibadian insaniah adalah daripada pandangan kesusasteraan dan juga unsur manusiawi. Dalam konteks ini, perilaku yang ditunjukkan kepada masyarakat di sekeliling merupakan cerminan bagi individu itu sendiri.

Menjurus aspek insaniah di dalam *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat* (2005) membawa maksud perkaitan dengan kemanusiaan, bersifat manusia dan juga berakhhlak. Dalam hal ini, insaniah tertumpu kepada falsafah di dalam pendidikan. Merujuk Yusmini Md Yusoff (2019), takrifan insaniah ialah merupakan pembangunan akhlak yang telah difokuskan dalam islam menerusi proses-proses keilmuan yang merangkumi aspek pendidikan akidah, pendidikan akhlak dan juga pendidikan keagamaan iaitu ibadah.

Manakala bagi unsur rabbaniyah pula ialah berkonsepkan ketuhanan. Dalam hal ini, banyak perkara yang terkandung di dalamnya misalnya, prinsip-prinsip, peraturan-peraturan dan juga nilai-nilai yang berteraskan keislaman bertunjangkan hadisphadis dan

juga wahyu dari Allah. Menurut pandangan HAMKA (1908-1981) hlm 47 didalam buku *Falsafah Ketuhanan* telah menyatakan bahawa pertalian antara manusia dan juga pencipta sangat berhubung kait dari segi ilmu tassawuf yang dapat membina kemartabatan seseorang individu itu. Merujuk perkataan tasaawuf didefinisikan kepada kebergantungan kepada Allah. Menerusi perkara ini, ilmu dalam membersih diri dan jiwa agar sentiasa memelihara akhlak yang sempurna.

Sejajar dengan topik yang ditulis di dalam kajian ini, Teori Ta'abudiyah merupakan teori yang dikarang oleh sasterawan Perak yang ke 2. Dalam hal ini, jika dilihat secara terperinci teori Ta'abudiyah lebih cenderung kepada aspek keislaman. Kesusasteraan dengan pengaruh Islam ini telah menjadi isu hangat perbincangan dalam era renaisans Islam ini. Sastera Islam menjadi topik perbualan di mana-mana. Kritikan Islam mesti muncul serentak dengan penciptaan seni menggunakan aspek Islam. Adalah amat luar biasa dan pelik jika kesusasteraan berasaskan Islam dinilai menggunakan metodologi dari dunia bukan Islam. Akibatnya, ijтиhad diperlukan dalam usaha mewujudkan metodologi Islam. Dalam konteks ini, menurut Mana Sikana (2014) beliau berpandangan bahawa teori ini dapat membantu masyarakat dalam melakukan perkara-perkara kebaikan iaitu mengamalkan perkara makruf dan menolak perkara mungkar serta dapat membentuk jati diri insaniah berteraskan rabbaniyah. Menerusi makruf, nahi mungkar ini berkonseptkan masyarakat Islam mempunyai tanggungjawab moral terhadap umat Islam yang lain untuk melakukan penambahbaikan, mengubah corak kehidupan seseorang ke arah yang lebih baik dan mencegah perbuatan yang menyimpang daripada nilai-nilai Islam, serta menyeru kepada keimanan kepada Allah dan dapat menjadi seorang yang berketerampilan berteraskan insaniah dan rabbaniyah. Hasbullah, Mohd Hatta dan Zainal Arifin (2018) Islam juga menitikberatkan umat Islam dan muslimat

untuk mewujudkan masyarakat sihat bebas rasuah dan perbuatan keji serta sentiasa berkelakuan baik serta menjauhi kezaliman.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.2. LATAR BELAKANG

Topik ini, banyak membincangkan tentang keperibadian diri ke arah insaniah dan juga rabbaniyah menerusi drama yang telah dipilih iaitu drama “*Quran Buruk*” karya Rasyid Sibir. Hal ini demikian kerana, drama ini mempunyai pengalaman kepada masyarakat yang mempunyai kepelbagaian emosi yang dapat memberi impak kepada penonton untuk melihatnya. Selain daripada itu, “Pengarah Air Mata” iaitu Rasyid Sibir merupakan pengarah yang mahir dalam menghasilkan drama-drama berkonseptan kejiwaan merupakan individu berkelahiran negeri Johor. Drama-drama terbitan beliau banyak disiarkan di saluran TV1 yang diterbitkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Rasyid Sibir mula dikenali oleh orang ramai menerusi penghasilan drama berantai beliau iaitu drama “*Mat Despatch*” yang berjaya disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) hasil terbitan Berjaya Filem di saluran TV1. “Pengarah Air Mata” ini merupakan bekas pelajar di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Penyiaran). Selain daripada itu, pada tahun 1997 beliau telah dinobatkan sebagai Pengarah Harapan menerusi Festival dalam Filem di Malaysia. Filem tersebut bertajuk Sutera Putih. Menerusi karya-karya yang beliau hasilkan banyak berunsurkan masyarakat, kekeluargaan, nilai berkasih sayang, dan juga unsur kematian.

Dalam hal ini, dapat dilihat Rasyid Sibir ingin memberi kesedaran kepada masyarakat kepentingan dalam kehidupan yang bermoral dalam membentuk peribadi yang seimbang dari segi insaniah dan rabbaniyah. Hal ini dapat dikelaskan menerusi buku *Pendekatan Personaliti Kontemporari* karya Muhammad Nubli Abdul Wahab pada tahun

2008: hlm 13 - 14, di dalam setiap kehidupan manusia merupakan objek yang diciptakan oleh Allah SWT untuk tunduk dan patuh kepadanya. Dalam hal ini, setiap manusia mempunyai amalannya tersendiri dalam menuju ke syurga Allah. Untuk membentuk peribadi yang mulia, kesedaran yang hakiki perlulah sentiasa mematuhi segala perintahNya untuk mendapat keredaanNya.

Bertitik tolak daripada itu, menerusi drama yang dipilih ini telah menimbulkan kesan emosi kepada masyarakat. Drama ini, telah mengisahkan tentang kegagalan seorang imam yang dikenali sebagai Imam Adam lakonan oleh M. Rajoli dalam membimbing keluarganya kearah islamiah. Imam Adam mempunyai seorang isteri yang dikenali sebagai Salwa lakonan oleh pelakon veteran terkenal iaitu Wan Maimunah dan juga beliau mempunyai 2 orang anak yang dikenali sebagai Siti Khadijah lakonan asal oleh Fasha Sandha dan juga Harun lakonan asal Abdul Rahim Zali. Kisah ini jika dilihat banyak elemen negatif yang digunakan di dalam drama ini yang tidak sepatutnya diberi tontonan kepada golongan remaja.

Hal ini kerana, penggunaan perkataan kesat yang dilontarkan oleh seorang ibu kepada anaknya. Malahan, perkara negatif ini bukan sahaja diberikan perhatian kepada masyarakat tetapi nilai pengajaran yang dapat membentuk jati diri masyarakat ke arah insaniah dan juga rabbaniyah. Selain daripada itu, watak yang dipegang oleh pelakon veteran yang terkenal dengan air mata iaitu Wan Maimunah telah memegang watak yang sarat dengan watak antagonis. Sebagai contoh, watak beliau ialah watak Salwa yang sentiasa membelakangi suaminya Imam Adam. Beliau banyak melakukan perkara - perkara yang melanggar hukum Allah seperti sumbang mahram, tidak berpuasa di bulan ramadhan, tidak hormat suami dan juga tidak menutup aurat dengan sempurna. Hal ini

telah menyebabkan nama bagi keluarga Imam Adam tercemar dek kerana perbuatan - perbuatan yang telah dilakukan oleh Salwa dan anak - anak mereka. Oleh hal yang demikian jelas dapat dilihat banyak pengajaran yang boleh dijadikan contoh teladan kepada masyarakat dalam menjadi insan yang seimbang.

Menerusi penulisan kajian ini, pengkaji telah memilih teori Taabudiyah dalam menghubung kaitnya dengan unsur nilai kemanusiaan dan rabbaniyah di dalam karya drama yang telah dipilih. Teori Taabudiyah ini diasaskan oleh ahli sasterawan negeri Perak yang mempunyai 4 pendekatan iaitu yang pertama ialah latar belakang penulis, pengisian karya, teknik penulisan dan yang terakhir ialah faktor karya. Dalam konteks ini, untuk memberi kesan kepada dasar dengan berkesan, pendekatan teori juga boleh membantu dalam memahami perubahan sosial. Memahami daya penggerak di sebalik perubahan sosial, melihat kemungkinan akibat dasar, dan menyusun strategi tindak balas yang paling berkesan semuanya dimungkinkan oleh teori sosial, ekonomi, politik dan budaya menerusi teori yang telah dipilih.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 1.3. PENYATAAN MASALAH

Menurut pandangan Ma'amor Bin Yusof (2016) hlm 11, menerusi alur perkembangan dunia kesusasteraan terdapat banyak karya yang telah dihasilkan berlandaskan konsep sufi dan keislaman. Hal ini, untuk membentuk masyarakat berbudi pekerti dan dapat menjadi insan yang berguna. Seiring dengan pembangunan Islam yang megah, banyak juga para sasterawan di Malaysia, Singapura dan juga negara Indonesia telah menghasilkan karya-karya yang berteraskan agama Islam. Hal ini demikian kerana, untuk membentuk peribadi masyarakat yang seimbang dari segi lahiriah dan juga rohaniah. Menurut pandangan Raihana Haji Salleh (1998) telah menyatakan bahawa unsur moral dan juga unsur akhlak merupakan tingkah laku masyarakat melakukan perkara-perkara yang dapat menjamin kesejahteraan dalam kehidupan berteraskan kitab *Al - Quran* dan *Hadis*. Jika seseorang itu tidak berpegang kepada kedua sumber ini maka individu itu tidak bermoral. Menerusi kajian yang telah dipilih, terdapat juga permasalahan yang boleh dihubung kaitkan di dalam penulisan ini.

Antaranya ialah sumbang mahram yang sentiasa menjadi paparan utama di akhbar-akhbar dan televisyen. Pada bulan September tahun 2012 menerusi keratan akhbar *Stars* di dalam kajian Salhah Abdullah, Saedah Abd Ghani dan juga Sapora Sipon (2014) telah menyatakan bahawa data bagi remaja hamil sentiasa meningkat setiap tahun. Hal ini, penglibatan remaja dalam kancah sumbang mahram telah menjadikan akhlak seseorang dan moral seseorang tercemar dek kerana perbuatan yang mengikut hawa nafsu sahaja. Selain daripada itu merujuk kenyataan BH online (2019) hasil daripada Rizanizam Abdul Hamid yang bertajuk “Johor Paling Tinggi kes Buang Bayi” telah melaporkan bahawa negeri Johor merupakan negeri yang banyak kes-kes pembuangan bayi dalam kalangan remaja. Merujuk kenyataan Hannah Yeoh iaitu

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada ketika itu melaporkan kawasan yang kerap menjadi tumpuan remaja pada ketika itu untuk membuang bayi ialah pada tempat-tempat seperti tempat pembuangan sampah, kawasan hutan, kawasan rumah dan sebagainya. Jelas dilihat akhlak moral remaja kian runtuh dek kerana pergaulan bebas yang begitu ketara telah mengakibatkan aktiviti-aktiviti seks bebas ini menjadi tumpuan.

Menerusiuraian berkaitan dengan sumbang mahram dan juga aktiviti seks bebas di atas, drama *Quran Buruk* karya Rasyid Sibir ini terdapat aktiviti yang telah dinyatakan iaitu sebagai contoh, pada watak Salwa merupakan seorang yang mempunyai sikap yang bertentangan daripada suaminya iaitu watak Salwa sering kali tidak berpuasa di bulan ramadhan, tidak menutup aurat dan melakukan perkara-perkara yang melanggar hukum islam iaitu sumbang mahram. Hal ini, dapat dilihat bahawa, watak Salwa ini dapat dijadikan salah satu watak moral kepada orang ramai yang melihatnya. Hal ini demikian kerana, jika dilihat watak Salwa itu merupakan seorang wanita yang beragama islam. Tambahan juga, dia merupakan isteri kepada seorang imam kampung yang sangat rajin beribadah di masjid iaitu imam Adam.

Mengikut kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah atau dihebahkan di media. Mereka yang berzina tidak berkat kerana melakukan khianat dengan melakukan perbuatan terkutuk. Tambahan juga, jika dilihat didalam kitab *Az-Zawājir ‘an Iqtirāfi al-Kabā’ir Ibn Hajar Haitami* menyatakan bahawa perbuatan yang sangat rendah martabat dan juga terkutuk ialah melakukan sumbang mahram. Aktiviti sumbang mahram ini atau dikenali sebagai penzinaan merupakan perkara yang sangat tidak sopan dan sangat tidak sesuai untuk berada di atas bumi Allah. Sebagai iluminasi ulama sufi

Ibrahim ibn telah menyatakan bahawa “Jika kamu mampu melaksanakan (5) lima syarat ini, kamu boleh melakukan dosa,” Syarat-syarat tersebut antaranya tidak makan rezeki Allah, tidak tinggal di bumiNya, mencari tempat yang tersembunyi dariNya, sempat bertaubat apabila malaikat maut mencabut nyawa, dan akhirnya bersedia untuk melarikan diri sekiranya malaikat Zabaniah mengheret kamu ke neraka. Perkara ini jelas dihuraikan di dalam kajian Nadiah Zin dan juga Rositah pada tahun 2022 *Sumbang mahram (INSES): Satu Perbandingan Antara Undang-Undang Jenayah Islam Dan Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*. Namun demikian jika dilihat menerusi teori taabudiyah pula ibadah seseorang yang beragama islam itu tidak sempurna jika memiliki sifat sebegitu (sumbang mahram). Tambahan juga, perkara sebegitu terjadi kerana sikap individu itu sendiri yang kurang mempunyai keimanan yang cukup. Oleh hal yang demikian terjadinya perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Bukan itu sahaja, berdosa bagi orang yang beragama islam melakukan persetubuhan dengan orang asing baginya. Hal ini jelas dapat dilihat di dalam *Surah Al-Isra*:

“... Maksudnya: *Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)...*”

*Surah Al-Isra’, 17:32*

Permasalahan yang seterusnya ialah penglibatan remaja dalam aktiviti liar seperti penyalahgunaan dadah. Merujuk kenyataan Sinar Harian online (2 Jun 2020) yang bertajuk “*Parti Liar Budak Sekolah Kena Gempur*” telah merekodkan sejumlah 20 remaja yang masih lagi bersekolah telah ditahan oleh pihak imigresen kerana terlibat dalam *Private Party* secara liar dan mendapat terdapat sebilangan bungkusan dadah yang dijumpai di dalam kawasan tersebut. Menurut Ketua Polis bagi daerah kawasan

Timur Lawat iaitu *Asistan Komisioner* Soffian Santong menyatakan bahawa pemeriksaan yang telah dilakukan pada ketika itu terhadap sekumpulan remaja bukanlah *Private Party* dalam menyambut hari kelahiran tetapi remaja yang terlibat telah melakukan aktiviti penyalahgunaan dadah. Hal ini sedia maklum bahawa, penglibatan-penglibatan sedemikian berpunca daripada faktor pengaruh rakan sebaya.

Menerusi kajian yang dilakukan aktiviti penyalahgunaan dadah merupakan perkara yang dapat menjadikan diri seseorang itu berhalusinasi dan dapat merosakkan kesihatan diri sendiri. Tambahan juga, jika dilihat di sisi agama islam hukumnya haram jika mengambil dadah tersebut. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi Mufti *Al Diar Al-Syari'iyah* (1971) telah menyatakan bahawa dadah merupakan sesuatu yang haram digunakan sama ada dari segi memberi/mengedar atau menjualnya. Perkara ini dapat melalaikan seseorang dari melakukan ibadah dengan sempurna. Setiap benda yang memabukkan adalah diharamkan dalam Islam, termasuk semua jenis dadah, sama ada yang baru atau tidak. Ini dikenali sebagai pengharaman dadah. Penyalahgunaan dadah adalah dapat memberi kesan negatif dan mencederakan penagih secara serius. Banyak hujah yang menentang pengharaman arak dan memihak kepada pengharaman dadah dengan menggunakan kaedah qias. Qias merujuk kepada Kasimah dan Sakinah (2021) membawa maksud kepada menyamakan sesuatu benda itu yang dapat mempunyai pengertian yang sama sebagai contoh hukum meminum arak dan juga menggunakan bahan terlarang iaitu dadah adalah haram bagi umat islam. Hal ini kerana dapat memudaratkan kesihatan pada diri. Memandangkan mereka adalah aset penting kepada masyarakat, ia sebenarnya melampaui mencederakan penagih individu untuk merangkumi kemudaratannya kepada bangsa, agama, dan negara mereka. Menerusi drama *Quran Buruk* ini juga

memaparkan watak abang kepada Khadijah iaitu Harun yang menggunakan bahan terlarang ini untuk keseronokkan kepada dirinya sendiri. Bukan itu sahaja, watak Harun ini juga sebagai penonton kita dapat jadikan sebuah moral dalam kehidupan supaya tidak menjadi orang yang sentiasa mencemarkan nama baik keluarga dan islam.

Secara umumnya, jelas dilihat bahawa konsep insaniah dan rohaniah perlu diterapkan di dalam setiap individu sama ada golongan remaja atau dewasa. Hal ini demikian kerana dalam membendung masyarakat dari terlibat dengan aktiviti haram, pihak yang bertanggungjawab perlulah mengambil peranan dalam mendidik masyarakat bermoral dan berakh�ak agar diri dapat seimbang dalam menjadi insan yang bermoral.

#### 1.4. OBJEKTIF KAJIAN

Penulisan ini dibuat bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti hubungkait unsur rabbaniyah dan insaniah menerusi drama “*Quran Buruk*” karya Rasyid Sibir.
- ii. Menghuraikan perkaitan unsur rabbaniyah dan insaniah berdasarkan teori ta’abudiyah di dalam drama “*Quran Buruk*” karya Rasyid Sibir.
- iii. Menganalisis keistimewaan hubungan unsur rabbaniyah dan unsur insaniah dalam membentuk keperibadian manusia yang seimbang.

### 1.5. PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan yang telah dilontarkan menerusi penulisan ini:

- i. Apakah hubungkait antara unsur rabbaniyah dan unsur insaniah yang terdapat di dalam drama “*Quran Buruk*” karya Rasyid Sibir?
- ii. Apakah perkaitan antara unsur rabbaniyah dan unsur insaniah berdasarkan teori ta’abudiyah di dalam drama “*Quran Buruk*” karya Rasyid Sibir?
- iii. Apakah keistimewaan hubungan unsur rabbaniyah dan unsur insaniah dalam membentuk keperibadian manusia yang seimbang.

## 1.6. SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Menerusi penulisan kajian ini, skop dan batasan kajian meliputi perkara-perkara objektif yang telah ditetapkan. Hal ini demikian kerana penulisan yang dihasilkan oleh pengkaji mahu menghasilkan karya yang tidak membatasi skop dan batasan kajian. Skop bagi kajian ini lebih tertumpu kepada hasil karya Rasyid Sibir iaitu drama '*Quran Buruk*' yang telah diterbitkan di siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM). Selain daripada itu, kajian ini digabungkan dengan nilai-nilai insaniah dan rabbaniyah dalam membentuk peribadi yang berakhlak. Bukan itu sahaja, kajian ini juga berteraskan konsep teori Ta'abudiyah hasil ciptaan Mana Sikana (2014) iaitu berunsurkan *Al - Quran* dan *Hadis*. Konsep keislamanan ini sangat penting kepada masyarakat dalam membentuk nilai berkeperibadian mulia menjurus aspek *al - Tasyri*' dalam Fuqaha'. Haron Din (2015) hlm 130, *al - Tasyri*' dalam Fuqaha' didefinisikan sebagai hukum-hukum islam yang telah diperundangkan oleh yang Maha Esa keatas hamba-hambaNya agar semua beriman kepadaNya dan boleh membahagia di alam dunia mahupun di alam akhirat. Hukum ini juga telah diberikan hukum syariat dek kerana carta yang benar dan juga tidak bercanggah dengan mana-mana perkara membatasi hukum islam. Bertitik tolak daripada itu, penulisan kajian ini dibentuk menerusi kaedah kualitatif yang dapat menjadi sumber bahan rujukan kepada pengkaji iaitu kaedah seperti pustakaan, laman-laman internet yang rasmi, rujukan buku, sumber bahan dari artikel-artikel dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sumber maklumat sebegini sangat penting kepada pengkaji dalam menghasilkan penulisan yang kreatif dan berkualiti berteraskan aspek nilai-nilai dan juga aspek keagamaan. Menurut pandangan ahli pakar sosiologi iaitu Bryan S. Turner (1991) hlm 48, agama ialah elemen yang sangat penting dalam menyeimbangkan sosial dalam konteks keperibadian. Tuntasnya, nilai-nilai insaniah dan rabbaniyah perlulah diberikan perhatian dalam membentuk keperibadian yang

bermoral dalam konteks Ta'abudiyah menerusi drama yang telah dikaji untuk dijadikan bahan kajian.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.7. KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam menabur idea di dalam penulisan ini, hasil penulisan kajian terdapat beberapa kepentingan yang boleh kita kelaskan iaitu kepentingan kepada individu, kepentingan kepada masyarakat dan juga kepentingan kepada negara. Kepentingan - kepentingan ini perlu diberi penekanan supaya iaanya dapat membentuk jati diri seseorang berakhhlak mulia.

### 1.7.1. INDIVIDU

Kepentingan menerusi hasil penulisan kajian yang pertama ini ialah, dapat membentuk individu yang sentiasa membentuk jati diri yang bersepadu dan juga seimbang. Dalam konteks ini, individu itu akan tidak mudah terpengaruh dengan aktiviti-aktiviti liar yang sentiasa menjadi amalan bagi golongan remaja dalam meningkat dewasa. Menurut pandangan bekas Perdana Menteri Malaysia yang ke empat dan ke tujuh iaitu Tun Mahathir Mohamad di dalam kajian Khairul Azman Mohd Suhaimy dan MansorMohd Nor (2013) telah menyatakan bahawa pendidikan moral sangat penting dalam dirisetiap masyarakat. Hal ini demikian kerana, dengan memiliki ilmu berkaitan dengan nilai-nilai moral sebegini individu itu akan sentiasa menjaga tatasusilanya dalam menjadi insan yang bermoral. Dalam konteks ini tidak hairanlah sekiranya Tun Dr. Mahathir telah memperkenalkan pendidikan melalui nilai-nilai moral bagi setiap sekolah. Hal ini bertujuan untuk menilai seseorang berinteraksi secara positif dari segi perilaku untuk membentuk peribadi cemerlang yang dapat menjadi ikutan kepada masyarakat lain.

### 1.7.2. MASYARAKAT

Menerusi hasil penulisan kajian yang seterusnya ialah dapat mendekatkan hubungan diantara masyarakat. Dalam konteks ini, masyarakat yang berhemah ialah masyarakat yang sentiasa membantu dan saling bertegur sapa antara satu sama yang lain. Hal ini demikian kerana, masyarakat setempat memiliki hubungan yang erat dalam menjaga hati antara orang lain demi menjadi insan yang berakhhlak dari segi lahiriah dan rohaniah. Menurut pandangan Eman Sulaiman (2013) perhubungan dengan baik antara masyarakat dapat membentuk nilai mekanisme dalam diri seseorang masyarakat untuk terus berintegrasi. Dalam hal ini, perkara tersebut merupakan salah satu pusat yang terbesar dalam sosial masyarakat. Ketamadunan masyarakat yang terkandung ialah nilai moral iaitu elemen yang berkait dengan keperibadian masyarakat. Menurut pandangan Asmah Haji Omar (2016) *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri* hlm 89 menjelaskan bahawa masyarakat perlulah sentiasa melakukan kebaikan antara satu sama lain tanpa berfikir untuk membala jasa semata tetapi berusaha dalam melakukan kebaikan. Biarpun, orang lain tidak melakukan kebaikan kepada kita sehingga mereka sanggup melakukan kejahanan kepada kita. Hal ini kerana, untuk mendidik diri supaya sentiasa memiliki nilai kesabaran dalam diri setiap masyarakat. Oleh itu jelas dapat dilihat, kepentingan penulisan kajian ini sangat membantu masyarakat berjiwa insaniah dalam membentuk masyarakat yang memiliki ketinggian nilai moral.

### 1.7.3. NEGARA

Bagi kepentingan yang terakhir pula ialah kecenderungan kearah perdamaian dan juga keamanan dalam negara. Menerusi penulisan kajian ini, dapat dibendung dari berlakunya pertelingkahan antara kaum di dalam negara. Eman Sulaiman (2013) menyatakan bahawa, nilai moral dalam negara sangat penting dalam memelihara negara dari berlakunya persengketaan. Kepentingan sosial dalam negara ini, perlu dititik beratkan agar keamanan dalam pembangunan-pembangunan, sumber daya dalam negara dan kemajuan dalam sosial di negara dapat dipelihara sepenuhnya bagi membentuk budaya beretika dari segi insaniah dan rohaniah bagi setiap individu.

Kesimpulannya, setiap individu perlulah sentiasa mengamalkan sikap-sikap yang bermoral supaya diri sentiasa produktif dan berkualiti bukan sahaja kepada diri malah kepada masyarakat dan juga negara.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.8. DEFINISI OPERASIONAL

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini dalam konteks yang berbeza. Untuk menentukan ianya maksud ini lebih tepat, difahami dan terperinci dalam konteks kajian ini, konsep ini mesti ditakrifkan terlebih dahulu. Setiap istilah yang menjadi kata kunci kajian akan ditakrifkan oleh pengkaji. Takrifan yang diberikan akan merangkumi konsep seperti kepengarangan dan juga perwakilan. Buku-buku dan tesis-tesis yang telah dipilih untuk membuat kajian mendalam tentang istilah-istilah telah digunakan sebagai sumber rujukan.

### Nilai

Menurut pandangan Alwiah Sharifah pada tahun 1987, menyatakan bahawa konsep nilai adalah pemikiran yang kreatif yang telah dikongsikan bersama dengan orang lain. Hal ini demikian kerana tindakan yang baik sebegitu perlu dikongsikan bersama. Hal ini berbanding dengan Hasyim Awang pada tahun 1984 menyatakan di dalam kajian nya, See Keng (2004) mendefinisikan bagi nilai dalam manusia dan juga kesusasteraan merupakan elemen berkaitan dengan falsafah-falsafah kemanusian bagi masyarakat. Menurut pandangan Tri Saswandi dan Ayu Permata Sari (2019) nilai-nilai merupakan satu dasar pemilihan seseorang dalam bertindak mengikut situasi. Dalam kontek ini, keputusan yang tepat adalah melalui diri kita sendiri. Tindakan yang wajar datangnya dari lubuk pemikiran kita sendiri. Hal ini, untuk menentukan tindakan itu benaratau pun tidak lihat kepada aspek perwatakan sehari-hari yang dilakukan oleh seseorang itu. Dengan menentukan dan memilih perkara yang berlandaskan moral, sesuatu perkara yang dilakukan itu akan dianggap dengan baik.

Menerusi kajian yang dilakukan pengkaji menggunakan pemikiran daripada Hasyim Awang di dalam kajian See Keng pada tahun 2004 yang menyatakan bahawa nilai dalam manusia dan juga kesusasteraan merupakan elemen berkaitan dengan falsafah-falsafah kemanusian bagi masyarakat. Hal ini demikian kerana nilai-nilai merupakan satu hujahan atau perdebatan yang dapat dijadikan sebagai satu pengajaran kepada masyarakat. Menerusi drama “*Quran Buruk*” yang telah dipilih oleh pengkaji ini merupakan drama yang terkandung dengan pelbagai jenis pengajaran sama ada rumah tangga, adik-beradik, jiran tertangga atau sebagainya. Bukan itu sahaja, nilai-nilai yang ditunjukkan dapat menjadikan seseorang itu memiliki sifat kemanusiaan yang adil dan juga, seseorang itu dapat menjadikan ianya satu perkara yang memberi manfaat kepada orang lain.

## Drama

Drama merupakan elemen gabungan antara unsur sastera dan juga unsur teater. Dalam konteks ini, elemen sastera itu merupakan elemen yang mengandungi susunan dari segi watak, plot cerita, penggunaan gaya bahasa, penggunaan suara, emosi dan sebagainya manakala elemen teater pula menjurus kepada persembahan pentas yang dilakukan oleh para pelakon yang telah dipilih. Hal ini bertujuan untuk memenuhi kandungan cerita yang telah dihasilkan oleh pengarah projek. Menurut pandangan Endraswara (2011) definisi bagi drama ialah sebuah gambaran yang berlaku di dalam kehidupan sama ada menerusi pengalaman hidup, lamunan dan sebagainya dilakukan semula untuk dipersembahkan kepada masyarakat. Hal ini, penghasilan-penghasilan karya sebegini dapat menghasilkan daya imaginasi yang kreatif, dan juga nilai-nilai estetika yang pelbagai.

Pengkaji memilih pandangan daripada Endraswara (2011) bagi definisi drama kerana pengalaman hidup yang dijalankan merupakan sebuah kenangan atau perkara yang dapat dijadikan sebagai contoh tauladan kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana babak-babak yang dimainkan oleh para pelakon dapat dijadikan ianya sebagai dakwah secara tontonan awam kepada masyarakat. Bukan itu sahaja, setiap karya yang dihasilkan juga dapat membantu individu itu dalam memperoleh keuntungan dan juga dapat mengukuhkan ekonomi dalam negara.

### **Insaniah**

Menurut pandangan Muhammad Nubli Abdul Wahab (2008), di dalam buku *Pembangunan Insan Pendekatan Personaliti Kontemporari* telah menyatakan bahawa insaniah ialah ketatasuliaan manusia yang telah dicipta oleh Maha Pencipta menerusi keindahan-keindahan yang dihasilkanNya mengikut sifat yang sempurna. Dalam konteks ini, setiap penciptaan beliau terselit dengan tugas dan fungsi mengikut sifat sendiri. Bukan itu sahaja, setiap kelompok manusia tidak mahir dalam merancang sesuatu pemikiran tujuan hidup dalam luar dugaan mereka. Setiap susunan alur kehidupan masyarakat dalam hidup ini adalah kompleks bukan hanya kehidupan secara fizikal semata tetapi berkisarkan metafizik yang kurang dapat dicapai menerusi elemen fizikal. Dalam hal ini, jelas dapat dilihat terdapat dua tugas manusia di dunia ini [Muhammad Nubli Abdul Wahab (2008), di dalam buku *Pembangunan Insan Pendekatan Personaliti*

*Kontemporari*] iaitu yang pertama ialah mentaati akan perintah yang Maha Esa. Setiap manusia seharusnya menjadikan setiap aktiviti dalam kehidupan mereka berpandukan konsep islamiah yang tidak terpesong dari pegangan agama. Hal ini, setiap amalan yang dilakukan dicatatkan dan dihimpunkan mengikut tahap yang telah manusia jalani di dunia ini. Seperkara dengan itu, perilaku yang baik akan diletakkan di syurga manakala perilaku yang tidak baik akan diletakkan di neraka. Tugas kedua pula ialah manusia sebagai khalifah. Pernyataan "khalifah di muka bumi Allah" mencerminkan konsep dalam Islam bahwa manusia dianggap sebagai khalifah. Konsep ini didasarkan pada ayat Al-Qur'an, khususnya pada Surah Al-Baqarah (2:30), di mana Allah berfirman:

*"...Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: 'Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.' Mereka berkata: 'Mengapa Engkau hendak menjadikan di dalamnya orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?' Tuhan berfirman: 'Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui...'"*

*Surah Al-Baqarah 2:30*

Dalam konteks ini, manusia dianggap sebagai wakil Allah di bumi yang diberi tanggungjawab untuk menjaga keadilan. Khalifah di sini bukan hanya merujuk pada pemimpin politik, tetapi kepada seluruh umat manusia. Setiap individu dianggap memiliki tanggungjawab moral untuk bertindak sebagai khalifah dengan cara mematuhi perintah Allah, menjaga keadilan, dan merawat alam semesta.

Menerusi kajian yang dijalankan pengkaji menjadikan pernyataan Muhammad Nubli (2008) iaitu insaniah merupakan satu ketatasusilaan manusia yang dicipta oleh

Allah SWT menerusi keindahan yang telah Dia ciptakan. Hal ini, perilaku yang baik dapat dijadikan contoh kepada orang ramai. Tambahan juga, setiap perilaku yang ada dapat dijadikan sebagai pengajaran dan juga contoh yang baik kepada masyarakat.

### Rabbaniyah

Menurut pandangan Abdul Karim Zaidan pada tahun 1992 di dalam kajian Abu Bakar, Suhaida and Abu Bakar, Ahmad Yumni (2021), menyatakan konsep rabbaniyah ialah berteraskan agama islam datangnya daripada Allah SWT. Allah menyampaikan al- Qur'an, kepada Rasul-Nya yang mulia, yang merupakan sumber segala ajaran, hukum, dan peraturan Islam. Manakala al-Sunnah dikenali secara sederhana pada maknanya danbukan pada lafaznya. Perkataan rabbani merupakan perkataan yang sama dengan perkataan rabbaniyah iaitu berasal dari perkataan rabb (tuhan). Menurut pandangan Fathiyah Mohd Fakhruddin (2020) telah menyatakan bahawa agama islam berteraskan dengan ketuhanan iaitu terlahirnya agama islam dari Yang Maha Esa. Oleh itu, setiap perilaku manusia haruslah berpandukan kepada peraturan-peraturan yang telah dilandaskan oleh Allah melalui kitab *Al - Quran* dan *Al - Hadis*.

Menerusi kajian yang dijalankan, pengkaji lebih tertumpu menggunakan pandangan daripada Fathiyah Mohd Fakhruddin (2020) kerana manusia diciptakan di bumi Allah ini bertujuan untuk mengikut segala perkara yang diperintahkan dariNya. Hal ini kerana, segala yang dilakukan di bumi ini perlulah bertunjangkan kepadaNya. Menerusi perkara ini, Islam mengajarkan bahwa setiap tindakan dan perbuatan umat manusia sebaiknya dilakukan dalam rangka ketaatan kepada Allah. Melakukan segala hal karena Allah adalah bentuk ketaatan kepada perintah dan petunjuk-Nya sebagaimana yang terdapat dalam Al-Qur'an dan Hadis. Hal ini demikian, melakukan segala hal

karena Allah Ta'ala merupakan panduan moral dan spiritual bagi umat Islam, membimbing mereka menuju kehidupan yang bermakna, beretika, dan bertaqwah kepada Tuhan. Perkara tersebut mempunyai nilai yang sama di dalam *Surah Al-Bayyinah* ayat yang ke 5 iaitu:

*“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid, dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar.”*

*Surah Al-Bayyinah 98:5*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.9. ORGANISASI BAB

### BAB 1

Bagi keseluruhan organisasi bab merupakan sebahagian dari penghasilan analisis kajian yang merangkumi lima bab kajian. Bagi bab yang pertama merupakan bab pengenalan yang menerangkan secara umum berkaitan tajuk kajian yang telah pengkaji pilih, berkaitan latar belakang kajian iaitu ringkasan drama, penyataan masalah, objektif bagi kajian, persoalan yang telah dicipta berdasarkan objektif kajian, skop batasan kajian, kepentingan bagi kajian yang terdiri dari 3 aspek iaitu individu, masyarakat dan negara, yang terakhir sekali huraian berkaitan dengan definisi bagi operasional. Setiap penghuraian yang telah dibuat dihuraikan secara ringkas dalam setiap perenggan bagi tujuan menjelaskan dan juga memberi kefahaman kepada pembaca. Menurut pandangan John R. Schermerhorn pada tahun 2007 di dalam buku *Komitmen Organisasi* karya Ria Mardiana Yusuf dan Darman Syarif (2018) telah menyatakan bahawa setiap huraian kecil dalam bab diterangkan untuk memberi pemahaman kepada individu (pembaca) bagi tujuan meningkatkan prestasi dalam organisasi kajian. Dalam konteks ini, dengan mengetahui setiap organisasi bab ianya akan membantu para pembaca mengetahui dan juga memahami hal-hal yang berkaitan dengan skop kajian yang telah dipilih.

### BAB 2

Bertitik tolak daripada itu, menerusi kajian ini bagi bab kedua menerangkan berkaitan dengan kajian-kajian yang lepas dan dikumpulkan untuk menganalisis dan menjadi sumber rujukan di dalam penulisan ini. Dalam konteks ini, jika dilihat kajian-kajian lepas membantu para pengkaji dalam memperoleh gambaran kecil secara menyeluruh kaitan antara isu yang ingin dikemukakan di dalam kajian. Hal ini demikian

kerana kajian literatur merupakan tinjauan yang utama dalam melihat kajian berkaitan dengan topik yang dipilih. Terdapat banyak kajian yang telah dipilih oleh pengkaji dalam menganalisis kajian ini. Antaranya ialah kajian lepas berkaitan dengan nilai-nilai, kajian lepas berkaitan dengan penerapan unsur insaniah dan rabbaniyah, kejadian lepas berkaitan dengan teori taabudiyah dan yang terakhir ialah kajian lepas berkaitan dengan keperibadian yang seimbang.

### BAB 3

Seterusnya ialah bahagian bab ketiga iaitu menjelaskan berkaitan dengan kaedah metodologi kajian yang dipilih. Menurut pandangan Marinda Sari Sofiyana, Sukhorini, Novita Aswan, Bangun Munthe, Lumastari Ajeng Wijayanti, Raodhatul Jannah, Sutresna Juhara, Tedy SK, Eunike Adonia Laga, Juli Antasari Br Sinaga, Achmad Rante Suparman, Imarotus Suaidah, Herman, Nikma Fitriasari (2022) telah menyatakan bahawa kaedah metodologi merupakan kaedah yang digunakan dalam menganalisis kajian bagi mencapai tahap tujuan dalam sesebuah penulisan kajian. Dalam konteks ini, penelitian kajian dibuat berdasarkan pengumpulan yang dibuat, pengolahan idea-idea dan juga penganalisis berdasarkan objektif yang telah dikemukakan. Menerusi kajian yang telah dibuat, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif iaitu kaedah dokumentasi dan juga kaedah kepustakaan. Selain itu, pengkaji juga memilih kaedah teoritikal iaitu teori taabudiyah dalam menguatkan lagi isi penulisan kajian ini.

## BAB 4

Bagi bab yang keempat pula, penulisan yang dibuat lebih tertumpu kepada kajian-kajian lepas iaitu kajian analisis bagi kajian. Analisis kajian merupakan langkah penting dalam memahami kontribusi sebuah penelitian dan mengevaluasi dampaknya pada bidang ilmu tertentu. Hal ini membantu memastikan bahwa hasil penelitian difahami secara komprehensif dan dapat diintegrasikan ke dalam literatur atau praktik yang lebih luas. Selain daripada itu analisis kajian merupakan hasil bagi kajian yang telah dihuraikan oleh penulis atau pengkaji menerusi beberapa elemen yang digunakan iaitu sebagai contoh melalui kaedah pemerhatian, kaedah kumpulan data melalui sumber perpustakaan, artikel-artikel dan sebagainya. Hal ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi objektif yang telah dilaksanakan. Bukan itu sahaja, analisis kajian ini dapat dalam mengembangkan lagi pola teori atau kerangka konseptual yang mendasari penelitian. Ini membantu mengintegrasikan penelitian ke dalam kerangka konseptual yang lebih luas. Secara keseluruhan, analisis kajian adalah langkah kritis dalam kitaran penelitian yang membantu mencerahkan dan memberikan makna pada hasil penelitian, mendukung pengembangan ilmu pengetahuan, dan memberikan wawasan yang berharga untuk kebijaksanaan dan praktik.

## BAB 5

Bagi bab yang terakhir iaitu bab kelima menghuraikan berkaitan dengan rumusan dalam kajian secara menyeluruh. Tambahan juga, bab yang kelima ini pengkaji dapat memberikan beberapa idea yang berasas dalam mencadangkan beberapa langkah memperkuuhkan elemen dakwah dalam drama. Menerusi perkara ini, iaanya dapat membantu masyarakat dapat mengetahui nilai moral yang perlu dilakukan dan perlu dielakkan bagi menjadi umat islam yang berakhhlak mulia. Selain daripada itu juga,

rumusan di dalam penulisan ini dapat membantu dalam menjelaskan tujuan penulisan. Rumusan dapat menyajikan tujuan penulisan secara jelas. Pembaca dapat mengetahui apa yang penulis ingin capai menerusi rumusan, sehingga membantu mereka menentukan apakah karya tersebut relevan dengan kepentingan atau minat mereka dalam kajian yang dipilih.

Hal ini jelaslah dapat dilihat setiap bab pada bahagian kajian penulisan ini mempunyai kekuatan tersendiri dalam menghuraikan setiap topik yang telah dikemukakan. Hal ini demikian kerana, setiap isu yang dikemukakan perlulah mempunyai sumber rujukan untuk menjadi kekuatan dalam penghuraian dalam kajian. Oleh itu, idea yang dilontarkan menerusi huraian tidak tersasar dari topik kajian yang dipilih.

### 1.10. RUMUSAN

Tuntasnya, pada bahagian ini merupakan sebuah gambaran kecil yang telah dijelaskan dan diuraikan mengikut isu kajian yang telah dipilih. Dalam bab ini objektif kajian merupakan tunjang utama dalam menganalisis topik kajian yang dipilih. Hal ini demikian kerana, setiap perkara yang dibincangkan telah dijelaskan mengikut bahagian iaitu di dalam pengenalan, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan juga kepentingan kajian. Tambahan juga unsur teori di dalam kajian ini juga telah memaparkan banyak perkara keislaman yang mendorong para penonton untuk menjadikan sebagai pengajaran dalam kehidupan. Selain itu, teori dipilih iaitu teori taabudiyah merupakan teori islamik yang telah diperkenalkan oleh Mana Sikana kepada masyarakat. Bukan itu sahaja setiap kaitan bagi penulisan ini berdasarkan drama yang telah dipilih iaitu *Quran Buruk* karya Rasyid Sibir. Drama ini juga merupakan drama yang telah menyentuh hati dan emosi para penonton melihatnya. Seterusnya, jika dilihat Rasyid sibir merupakan seorang pengarah yang terkenal dengan air mata. Hal ini demikian kerana beliau menghasilkan karya-karya yang mempunyai perasaan yang dekat dengan penonton. Oleh itu jelaslah bahawa pada bahagian ini banyak menerangkan secara ringkas berkaitan dengan topik dan isu yang telah dihujahkan di dalam baris tajuk yang dipilih.

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1. PENGENALAN

Tinjauan kajian lepas ini telah membantu pengkaji dalam mengeluarkan idea - idea di dalam penulisan. Dalam konteks ini, sumber bahan rujukan yang pengkaji dapati telah menjadi sumber kekuatan di dalam penulisan ini. Bukan itu sahaja, menerusi sorotan kajian-kajian lepas ini juga pengkaji telah merangkumkan setiap kandungan yang berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih menerusi pendekatan teori taabudiyah.

Menurut pandangan saudara Shaiful Bahri Md. Radzi dan juga Sahlan Mohd Saman pada tahun 2005: 11 di dalam kajian Ma'mor Bin Yusoff (2020) di dalam kajian *Penerapan unsur-unsur Islam aqidah, syariah dan tasawwuf dalam Novel Mahabbah, Ayat - Ayat Cinta dan Dunia Bukan Kita Punya berdasarkan Teori Taabudiyah dan Teori Teksdealisme* menyatakan bahawa unsur kesusasteraan merupakan susunan ayat-ayat estetik yang dapat menghasilkan sesebuah karya yang universal sarat dengan puitis kata. Dalam konteks ini, elemen kesusasteraan sangat berkait dengan kehidupan manusia yang memiliki pengalaman hidup sama ada dari segi rohaniah atau lahiriah.

Menurut pandangan Nyoman Kutha Ratna (2007) menerusi kajian *Teori, Metode, Dan Teknik Penelitian Sastra Dan Penelitian Sastra* karya sastera merupakan karya rekaan yang diterjemahkan dalam cerita rekaan (fiksi) yang bermaksud direka-reka. Menerusi karya - karya novel, seorang penulis atau pengarang merupakan individu yang dikenali sebagai pencipta. Hal ini demikian, dengan khayalan dan juga pemikiran yang kreatif seorang pengkarya mampu dalam menghasilkan penceritaan yang sarat dengan kepelbagaiaan emosi. Dalam hal ini juga, karya-karya sastera tidak lekang dengan elemen-elemen estetika yang dapat menghasilkan plot -plot menerusi sastera moden, lagu-lagu yang berkualiti, dan juga elemen estetika di dalam sesebuah drama.

Sastera digambarkan sebagai sebuah produksi, iaitu mempunyai limpahan pelbagai emosi secara spontan. Sastera bersifat autonomi (bebas), iaitu tidak merujuk kepada perkara lain, dan mempunyai keselarasan dalam penghasilan karya. Bertitik tolak daripada itu, sastera juga merupakan ciptaan yang menterjemahkan keperibadian manusia kepada imej fizikal yang dapat mencetuskan emosi yang kuat yang boleh diluahkan melalui bahasa dalam bentuk pengalaman, semangat, idea, prasangka, pemikiran dan kepercayaan. Tambahan juga, karya sastera yang indah boleh menggetarkan jiwa, menimbulkan kegembiraan, kemesraan, kebencian, atau pandangan hati, serta membala dendam kepada pengkritik atau penonton yang melihatnya. Pernyataan ini disokong oleh Yahya, Daud, Salleh dan juga Subet pada tahun 2020 dalam pernyataan mereka iaitu “Pelajar yang membaca karya sastera mampu dalam memahami dan menyelami perasaan seseorang secara kreatif dan kritis seperti yang digambarkan dalam sebuah karya yang dibaca, apatah lagi apabila bentuk, isi dan mesej yang disampaikan kepada masyarakat mempunyai kaitan dalam nilai kehidupan”. Seterusnya, pembaca juga dapat memahami watak dan perwatakan yang digarap dalam sesebuah

karya menerusi pertuturan yang berkaitan dengan watak tersebut. Hal ini relevan kerana karya sastera membolehkan pembaca mengalami pelbagai emosi, termasuk kesedihan, kegembiraan, keseronokan dan banyak lagi.

Menerusi penulisan kajian yang dibuat ini, jika dilihat drama-drama yang dihasilkan oleh para pengarah dapat memberi contoh yang baik kepada masyarakat bertindak untuk manusia melakukan perkara-perkara yang benar dan dapat membantu manusia meninggalkan perkara-perkara yang salah. Dalam huraihan ini, ianya lebih tertumpu kepada kesedaran individu untuk melahirkan masyarakat yang bercorak berintegrasi dalam mendidik jiwa berakhhlak mulia. Perkara ini jelas dapat dilihat menerusi kajian Salsabillah, Ruth dan juga Victory (2021) telah menyatakan bahawa unsur perfileman merupakan perkara yang banyak menyampaikan nilai-nilai moral khususnya pengajaran kepada masyarakat yang melihat menerusi tindakan atau sikap yang telah dilakukan. Perkara ini tidak jauh beza diantara drama dan filem kerana elemen yang digunakan ialah tarikan penonton untuk melihat aksi yang dilakukan sama ada baik dan buruk menerusi televisyen atau pawagam. Perkara ini juga satu perkara yang dapat memberi manfaat kepada orang ramai untuk mencontohi akhlak yang dipamerkan menerusi lakonan yang dibawa. Oleh itu jelas dapat dilihat, menerusi elemen seperti drama dan filem ini juga bukan sahaja dapat menghilangkan kebosanan kepada masyarakat bahkan ianya juga dapat menjadi contoh teladan kepada mereka untuk dijadikan sebagai nilai moral yang bermanfaat. Menerusi drama yang telah dikaji ini iaitu drama *Quran Buruk* karya Rasyid Sibir terdapat banyak perkara yang boleh dijadikan sebagai contoh teladan kepada masyarakat khususnya dalam hubungan kekeluargaan. Sebagai contoh watak Imam Adam yang sentiasa berusaha untuk memperbaiki sikap isteri dan anak-anaknya walaupun pada akhirnya mereka tidak mengikut nasihat yang diberikan oleh Imam

Adam. Menerusi drama ini masyarakat dapat menjadikan sesebuah drama tersebut bermoralitas dalam kehidupan.

Disamping itu juga, dalam kajian Abu Hassan, Ummi Hani (2011) *Drama dakwah di Malaysia : kajian tentang proses penulisan skrip*, Ummi Hani Abu Hassan telah menyatakan bahawa konsep dakwah di dalam sesebuah drama telah menjadikan seorang penulis atau pengkarya itu sebagai seorang individu yang bergelar hamba dan juga dikenali sebagai khalifah di dalam muka bumi Allah ini. Hal ini demikian, karena setiap perilaku dan penulisan yang dicatatkan menjadi sebuah amalan yang dapat dijadikan contoh atau tauladan sama ada baik dan buruk. Bukan itu sahaja, penulisan-penulisan drama, filem, atau sebagainya telah menjadikan seseorang pengkarya atau penulis dan juga pengarah menjadikan alat penulisan itu sebuah medium dakwah kepada masyarakat supaya dapat menjadi lebih baik dengan menjadikan medium-medium sebegini contoh tauladan kepada mereka. Selain daripada itu, penulisan-penulisan sebegitu dapat disempurnakan sekiranya pengkarya dapat mendalami dari sudut aspek kehidupan mengikut syariat islam. Oleh itu jelas dapat dilihat bahawa medium seperti penulisan ini juga dapat menjadi medium dakwah kepada masyarakat untuk lebih dekat kepadaNya dalam meningkatkan lagi amal kebaikan.

## 2.2. Tinjauan Literatur Berkaitan Nilai

Siti Aishah, Maliki, Wan Mazwati, Wan Yusoff, Rahimah, Embong, Berhanundin, Abdullah (2016), menyatakan dalam meningkatkan tingkah laku pelajar, nilai moral bukanlah sebuah elemen yang baharu. Sejak kita dilahirkan, ibu bapa telah terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk pendidikan akhlak, sama ada secara langsung atau tidak. Bahan pendidikan yang disediakan dalam nilai moral telah menggabungkan komponen-komponen yang berkaitan dengan jiwa dan emosi setiap orang di samping fikiran mereka. Selain itu, nilai moral juga merupakan gabungan identiti di dalam ciri holistik (ciri kepimpinan dan komunikasi yang baik). Untuk membangunkan idea dan tindakan yang akan menyumbang kepada pembentukan identiti kita, penghargaan yang tulin adalah penting. Individu yang mampu memikul kewajiban yang diberikan kepada mereka juga akan terhasil daripada kefahaman dan penghayatan yang berkesan ini.

Menurut pandangan Aswati Binti Suhit (2005), dalam menyelesaikan nilai – nilai moral dan mewujudkan insan yang bermoral, pendidikan nilai-nilai moral adalah instrumen yang penting. Agama Islam juga telah memberi tumpuan yang kuat kepada nilai-nilai akhlak. Hal ini demikian kerana manusia dapat menyedari peranan mereka sebagai hamba Allah dan Khalifah di muka bumi, yang merupakan salah satu matlamat Pendidikan Islam, yang juga berusaha untuk melahirkan insan secara bersepadu dan seimbang. Nilai moral ini juga memiliki sifat penyampaianya yang jelas. Hal ini dapat memudahkan para penonton untuk memahami dengan jelas. Oleh itu jelas dapat dilihat bahawa nilai moral dapat mendidik jiwa masyarakat bersikap berhemah.

Bertentangan dengan nilai-nilai lain, menurut pandangan Tri Saswandi dan Ayu Permata Sari (2019), nilai agama sebenarnya mempunyai asas yang paling kukuh. Kebenaran tertinggi yang berasal dari Tuhan adalah sumber nilai ini. Menurut pandangan Rini (2017) nilai dalam agama yang berfungsi sebagai peta jalan, inspirasi, dan motivasi kepada masyarakat. Sehingga corak motivasi, tujuan hidup, dan tingkah laku manusia dibangunkan dan dibawa kepada keredhaan Tuhan, manusia dalam mesti menyelesaikan pelbagai kesukaran hidup, termasuk agama, politik, ekonomi, sosial, budaya, dan ketenteraman. Nilai-nilai Islam ialah idea dan ajaran yang disanjung tinggi oleh masyarakat tentang beberapa perkara utama yang berkaitan dengan islam dan dijadikan prinsip untuk bertindak dengan cara yang tidak melanggar syariat. Kedua-dua sumber nilai ini yang berasal daripada Tuhan dan yang terhasil daripada interaksi manusia yang tidak bercanggah dengan syariah. Nilai keharmonian dalam semua aspek kehidupan manusia adalah perilaku yang dilakukan dan apa yang telah ditentukan oleh tuhan adalah komponen menurut Islam. Jelaslah bahawa nilai agama sangat penting dalam kehidupan masyarakat sama ada masyarakat islam dan bukan islam dalam mencapai jati diri yang berinsaniah.

Selain daripada itu, menurut pandangan Ratih Sapdiani, Imas Maesaroh, Pipin Pirmansyah, Dida Firmansyah (2018), menyatakan bahawa nilai moral dapat diungkapkan menerusi karya-karya sastera. Menerusi perkara ini, nilai moral juga dapat disifatkan dengan keagamaan. Bukan itu sahaja, pada zaman Rasulullah S.A.W nilai moral ini telah dipraktikkan kepada masyarakat khususnya dalam mendidik manusia lebih berhemah dan bertatasusila. Perkara ini sama seperti pernyataan di dalam kajian Salsabillah, Ruth, dan Victory pada tahun 2021 *Penganalisis Nilai Moral Dalam Filem*. Menerusi kajian ini, mereka telah menyatakan bahawa nilai moral dapat diwujudkan melalui 3 perkara iaitu perhubungan antara manusia dan

tuhan, perhubungan antara manusia dan manusia dan yang terakhir ialah ibadah yang dilakukan dengan ikhlas. Hal ini jelas dapat dilihat masyarakat khususnya golongan muda dinilai menerusi akhlak moral yang ditunjukkan mereka. Jika mereka mempunyai kesedaran berkaitan dengan moral mereka dapat melakukan perkara-perkara baik yang boleh dicontohi oleh orang ramai. Tambahan juga, dengan perilaku yang baik dapat memotivasi individu yang melihatnya untuk berbuat baik.

Menurut pandangan Vishalache Balakrishnan (2009) *Pendidikan Moral Untuk Universiti dan Kolej* menyatakan bahawa nilai moral merupakan nilai yang memiliki banyak budaya dan juga perkara yang kurang difahami. Dalam konteks ini, pelbagai perkara yang kita masih lagi ragu - ragu dengan nilai moral ini. Hal ini, menerusi nilai moral ini kita perlu peka dan ikuti dalam mengajar kehidupan kita untuk sentiasa lebih baik kerana ianya sangat penting di dalam kehidupan harian kita. Selain daripada itu, menurut *Socrates* di dalam buku *Pendidikan Moral Untuk Universiti dan Kolej* (2009) hlm 4 telah menyatakan nilai moral perlu kita pelajari. Menerusi aspek psikologi, nilai moral ini merupakan perkara yang dapat kita ketahui sama ada seseorang itu mempunyai sikap yang baik ataupun tidak. Di dalam Malaysia, seorang individu akan diterima oleh orang ramai sekiranya seseorang itu sentiasa mematahui arahan atau peraturan yang telah ditetapkan mengikut norma kehidupan semasa. Seperkara dengan itu, Rukun Negara merupakan tonggak pegangan individu dalam memiliki nilai moral dalam diri.

Menurut pandangan Muhammad Nur Al-Hakin dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menyatakan bahawa elemen nilai adalah sebuah asas yang dapat membentuk peribadi yang mulia, beradab, dan bertamadun dalam melahirkan hubungan yang baik dengan manusia, persekitaran dan juga Tuhan yang Esa. Dalam konteks ini, nilai dapat dikategorikan kepada beberapa bahagian iaitu yang pertama ialah nilai-nilai estetika, yang kedua pula ialah nilai-nilai doktrin dan juga yang terakhir ialah nilai-nilai budaya. Hal ini demikian kerana, kebergantungan nilai-nilai sebegitu dalam diri dapat melahirkan individu yang sentiasa berpegang teguh kepada agama, melahirkan individu yang sentiasa bersikap baik dan memiliki jiwa-jiwa yang mantap dan juga tidak mudah untuk dipengaruhi dengan budaya sekeliling.

### **2.3. Tinjauan Literatur berkaitan Unsur Insaniah**

Menurut pandangan Sarimah, Norlizah dan juga Nor Aisyah pada tahun 2010, menyatakan bahawa kemahiran berinsaniah merupakan perkara asas dalam membentuk masyarakat bersahsiah dan berintegriti. Dalam konteks ini, kemahiran bagi insaniah merupakan salah satu perkara penting dalam keperibadian seseorang bagi tujuan untuk memiliki aura daya tarikan terhadap orang lain. Hal ini berteraskan kepada kemampuan seseorang berinteraksi menggunakan bahasa yang baik, sikap kepedulian seseorang terhadap yang lain dan juga, sikap sekeliling. Tambahan juga, menerusi kemahiran berinsaniah ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat untuk lebih produktif dan juga berdaya saing. Huraian ini mempunyai kesamaan dengan analisis kajian oleh Rizqidan Neneng pada tahun 2016 iaitu menyatakan bahawa nilai insaniah ini mempunyai elemen seperti ukhuwah yang kuat bersama masyarakat, bersilaturrahimantara masyarakat, dan husnudzon. Dalam konteks ini, jelas dapat dilihat konsep insaniah menurut pandangan mereka

ialah perkara yang berkaitan dengan interaksi yang baik dengan orang sekeliling. Hal ini berbanding dengan konsep dakwah rabbaniyah iaitu menurut pandangan Waliko pada tahun 2007, telah menyatakan bahawa dakwah rabbaniyah ini dilakukan untuk mendekatkan diri kepadaNya. Sebagai contoh melaksanakan perintah-perintah yang disampaikanNya menerusi Rasulullah dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang. Seperkara itu jelas dapat dilihat menerusi firman Allah dalam Surah At-Taubah ayat yang kesebelas di dalam kajian Waliko (2007)

*Konsep dalam Dakwah Rabbaniyah menerusi perspektif dalam Al-Quran:*

*"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mukmin diri dan harta mereka dengan memberikan surga kepada mereka. Mereka berperang pada jalan Allah; lalu mereka terbunuh atau dibunuh. (itu telah menjadi) janji yang benar dari Allah di dalam Taurat, Injil dan Al-Qur'an"*

*Surah At-Taubah, 11*

Petikan diatas jelas menghuraikan sekiranya seseorang itu melakukan perkara-perkara yang diperintah oleh Allah SWT nescaya individu itu akan memperolehi ganjaran setimpal dengan perkara yang dilakukan olehnya iaitu syurga. Jelaslah bahawa perbuatan melakukan kebaikan sesama manusia dan Sang Pencipta merupakan perkara yang dapat menjamin kestabilan dalam kehidupan malahan dapat menjadikan diri sentiasa disayangi dan dihormati.

Disamping itu juga, bagi umat islam masyarakat perlu melakukan setiap perkara hanya kepadaNya. Hal ini demikian kerana setiap kehidupan bagi masyarakat islam adalah jambatan hidup untuk ke alam akhirat. Oleh itu, setiap perilaku yang dilakukan didunia mereka tidak boleh sesekali mempersiakannya. Dalam konteks ini, masyarakat islam mempercayai bahawa peluang di dunia ini hanya sekali sahaja dan perlu melakukan

amal ibadah dengan sempurna dan ikhlas kepadaNya. Tambahan juga, perkara ini mempunyai kaitan yang sama dengan pandangan Asep Supriadi (2011) iaitu unsur Rabbaniyah merupakan salah satu kesempurnaan manifestasi oleh masyarakat kepada Allah SWT. Segala perkara yang telah dilakukan oleh manusia perlulah meletakkan Allah yang pertama berteraskan rukun iman dan islam dalam diri. Bukan itu sahaja, dengan melakukan perkara-perkara yang baik ini masyarakat dapat dikelaskan tempat mengikut kebaikan yang telah dilakukan. Hal ini berteraskan syariat yang telah ditetapkan. Menerusi penulisan ini syariat merupakan amalan yang wajib dilakukan oleh umat islam iaitu solat, puasa, mengeluarkan zakat dan sebagainya.

Bukan itu sahaja, nilai insaniah merupakan salah satu faktor yang dapat menimbulkan perasaan dalam diri individu untuk tampil berinsaniah. Tambahan juga, nilai kemanusian juga dapat disifatkan sebagai nilai kemanusiaan yang universal. Hal ini demikian kerana, nilai kemanusiaan dapat memupuk individu berakhhlak baik yang dapat mencerminkan diri seseorang mengikut sikap yang ditonjolkan dalam diri. Menurut pandangan Hadi Rianto pada tahun 2016 di dalam kajiannya telah menyatakan bahawa nilai kemanusiaan atau nilai insaniah satu pengamalan yang beradab yang telah mengandungi nilai kesamaan dari segi perasaan, hormat-menghormati, keperibadian yang berani dan sebagainya. Selain itu nilai insaniah ini juga telah memberi pemahaman kepada setiap dalam diri manusia makhluk yang sosial. Oleh itu, jelaslah bahawa sifat-sifat kemanusiaan yang beradab merangkumi peribadi yang mandiri, mengambil berat dengan situasi sekeliling, menjaga hubungan dengan baik, menjaga perasaan dengan sekeliling dan sebagainya. Nilai insaniah yang beradab merupakan salah satu keteladanan yang terbentuk dari sisi sikap manusia yang baik.

#### 2.4. Tinjauan Literatur berkaitan Unsur Rabbaniyah

Bertitik tolak daripada itu, maksud lain bagi rabbaniyah ialah tauhid. Menurut pandangan H. Muhammad Hasbi (2016) telah menyatakan bahawa tauhid merupakan keyakinan yang telus terhadap keesaan Allah SWT iaitu dengan melakukan dengan ikhlas segala ibadah yang diperintahkanNya untuk mendapat ganjaran pahala dariNya. Dalam konteks ini, terdapat tiga perkara yang dapat mendekatkan diri kepadaNya iaitu yang pertama ialah beriman sepenuhnya kepada Allah SWT dengan meyakini rezeki dariNya, meyakini akan kekuasaanNya yang dapat menghidupkan manusia dan juga dapat mematikan manusia. Selain daripada itu, meyakini rukun iman yang dapat membantu kita lebih dekat denganNya. Yang terakhir sekali ialah sentiasa beriman dengan meyakini zat-zat yang ada padaNya. Menerusi buku *Ilmu Tauhid* karya H. Muhammad Hasbi (2016) rabbaniyah menerusi asma dan sifat juga telah dijelaskan di dalam buku tersebut iaitu konsep rabbaniyah asma dan sifat ini menerangkan tentang penerimaan dan penolakan sifat yang tidak membatasi sifat Allah yang telah ditetapkan oleh Rasul-Nya. Tambahan juga, jika terdapat sebilangan masyarakat yang telah mengingkari konsep-konsep Rabbaniyah dan kesempurnaan yang ada pada sifat Allah, perkara tersebut merupakan sif kesombongan yang ada dalam lisan, pemikiran dan juga hati manusia yang sentiasa mengingkari apa yang telah disampaikan oleh Rasulullah. Menurut Ibnu Abbas di dalam kajian H. Muhammad Hasbi pada tahun 2016 menyatakan bahawa menjalankan perintah-perintah Allah merupakan salah satu konsep Rabbaniyah yang dapat mendidik diri sentiasa berakhhlak mulia. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi ayat Al-Quran surah Az-Zariyat ayat yang ke 56, firman Allah:

“Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku”

Surah Az-Zuriyat: 56

Petikan ini jelas dapat dilihat setiap perkara yang berada di dunia ini perlu dilakukan hanya kepadaNya. Hal ini demikian kerana, untuk memperoleh keredhaan dari yang Maha Esa sekaligus mengagungkan Allah SWT. Justeru itu, budaya islam yang berbeza dengan budaya lain kerana perkembangan ajaran islam itu sendiri, dengan itu diberi ciri-ciri dan pengisianya oleh ajaran Islam dan dapat diperhatikan melalui pelbagai aktiviti kehidupan umat Islam yang diliputi oleh istilah ibadah.

## 2.5. Tinjauan Literatur berkaitan Teori Ta'abudiyah

Teori taábudiyah merupakan teori hasil ciptaan oleh Mana Sikana yang telah dijelaskan pada bab 1. Kandungan pada teori ini ialah mengandungi unsur penyempurnaan dan juga peneguhan insan dalam membentuk diri berinsaniah. Dalam konteks ini, tunjang utama bagi kandungan dalam teori ini adalah berteraskan dengan Al-Quran dan Sunnah yang disampaikan oleh Rasulullah. Menurut pandangan Ayu Haswida Abu Bakar (2015) menyatakan bahawa Mana Sikana telah menyenaraikan kandungan asas di dalam Teori Taabudiyah ini mengikut prinsip iaitu bagi prinsip yang pertama ialah penghujahan berkaitan dengan latar belakang bagi penulis. Bagi prinsip kedua pula ialah kandungan karya manakala bagi prinsip yang keempat pula ialah kesan penghujahan karya kepada audien. Setiap prinsip yang disenaraikan ini akan dikaitkan dengan unsur islamik yang berteraskan dengan Al-Quran dan Hadis. Menerusi prinsip yang pertama ialah prinsip latar belakang bagi penulis. Prinsip ini menjurus kepada kesenian dalam kepengarangan. Dalam hal ni, ianya berfungsi sebagai penetapan harapan yang kuat menerusi matlamat penghujahan kepengarangan untuk menghasilkan seni dalam alam islamik (dakwah). Idea kepengarangan dalam teori Taabudiyah tertumpu kepada sebab dan maksud di sebalik mengapa seseorang pengarang mencipta karya. Selain itu, idea

"kandungan" persoalan, idea, pemikiran, ideologi, prinsip, dan falsafah berkaitan Islam mesti menjadi pusat perhatian dalam penulisan.

Teori Taabudiyah mempunyai nilai-nilai estetika jika kandungan penulisan mempunyai kaitan dengan nilai-nilai islam yang telah dihujahkan. Tambahan juga, nilai-nilai estetika memiliki kekuatan yang sangat kuat dari segi pemikiran dan juga sifat-sifat manusia menerusi topik yang dikaitkan di dalam sesebuah karya. Tambahan juga, setiap karya-karya yang bermutu dapat mengukuhkan lagi akidah dalam diri setiap masyarakat. Bukan itu sahaja, motif penulisan yang dibuat dapat memberi kesan yang seimbang iaitu berfungsi sebagai salah satu acuan ibadah yang sangat bernilai. Hal ini jelas dapat juga dilihat menerusi kajian penulisan oleh Ansori, Zaini, Kalam Mollah dan Fatchor Rahman (2022) menjelaskan bahawa nilai Taabudiyah dapat dibentuk dalam diri masyarakat walaupun ianya perkara yang mudah sahaja. Dalam konteks ini, perbuatan mencari rezeki iaitu dengan berbisnis juga merupakan perkara yang dapat dinilai menerusi ibadah. Jika perkara tersebut diniatkan dan dilakukan ikhlas kepada Allah nescaya perkara tersebut tergolong di dalam teori Taabudiyah.

## 2.6. Tinjauan Literatur Berkaitan keperibadian yang seimbang

Topik etika dan moral jarang disebut, terkubur, dan tidak diteliti secara menyeluruh dan logik apabila membincangkan tradisi agama yang berbeza. Kerohanian Islam yang merangkumi kecintaan kepada Allah SWT, ketaqwaan yang sebenar, kebergantungan, kesabaran dalam menghadapi tuntutan hidup, ketakwaan, kebaikan, amanah, dan saling menyayangi, juga merupakan salah satu cabang iman. Selain daripada itu juga, menghayati agama merupakan salah satu kepentingan dalam diri setiap masyarakat untuk berinsaniah. Dalam mendidik jiwa supaya sentiasa memiliki peribadi yang mulia kawalan dalam diri setiap masyarakat perlu memainkan peranan yang sangat

penting. Hal ini demikian kerana peribadi seimbang ialah kebergantungan diri kepada kekuatan dalam iman, ketakwaan, tawakal kepada Allah, sentiasa sabar, ikhlas melakukan sesuatu perkara, jujur dalam semua hal dan sentiasa amanah dalam melakukan sesuatu kerja. Tambahan juga, dalam memiliki peribadi yang seimbang amalan kerohanian merupakan salah satu amalan dalam diri setiap kehidupan masyarakat yang dapat membentuk aura-aura yang baik dalam diri setiap masyarakat. Sebagai contoh, melakukan ibadah-ibadah wajib seperti solat, puasa, menutup aurat dan sebagainya. Di dalam kajian Imam Subqi (2016) telah menyatakan bahawa keperibadian seseorang dapat dibendung menerusi keagamaan diri individu itu sendiri menerusi sikap yang dipamirkan. Dalam hal ini, pengajaran menerusi keagamaan diberikan kepada masyarakat dapat melahirkan individu bersahsiah mulia. Menurut pandangan Ismail (2001) di dalam kajian Imam Subqi pada tahun 2016 menyatakan bahawa perkembangan sikap bagi setiap individu telah dipengaruhi oleh agama. Dengan meletakkan agama sebagai tunjang yang utama keperibadian remaja dapat seimbang dari segi rohaniah dan juga lahiriah.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.7. RUMUSAN

Tinjauan literatur memainkan peran penting dalam penelitian dan pengembangan ilmu pengetahuan. Tinjauan literatur membantu peneliti untuk memahami latar belakang dan konteks dari topik penelitian yang mereka teliti. Ini memungkinkan mereka untuk memperoleh pemahaman yang mendalam tentang kerangka konseptual, teori-teori yang relevan, dan penelitian-penelitian sebelumnya yang telah dilakukan dalam bidang yang sama. Dengan mengkaji literatur sedia ada, penyelidik boleh mengenal pasti jurang dalam pengetahuan atau persoalan kajian yang tidak terjawab. Ini boleh membantu dalam merumuskan objektif penyelidikan yang jelas dan relevan, serta menentukan hala tuju penyelidikan yang sesuai. Kajian literatur membolehkan penyelidik menilai dan memilih kaedah penyelidikan yang paling sesuai untuk digunakan dalam kajian mereka. Dengan mengkaji penyelidikan terdahulu, mereka dapat memahami kekuatan dan kelemahan pelbagai pendekatan metodologi, serta mendapatkan pandangan tentang teknik yang paling berkesan. Justeru, kajian literatur mempunyai peranan yang sangat penting dalam menyokong proses penyelidikan, daripada peringkat perancangan sehingga ke tahap analisis data dan tafsiran keputusan.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1. PENGENALAN

Menurut pandangan Asep Kurniawan, M. Ag (2018) menyatakan bahawa metodologi kajian merupakan kaedah yang tersusun dalam sebuah penelitian secara terperinci. Selain daripada itu, kaedah ini terwujud dalam pengumpulan data-data, memperolehi data-data, memaknakan sesebuah data-data, dan juga menyimpulkan data- data sehingga sesuatu penelitian dapat dicapai. Bukan itu sahaja, metodologi kajian juga dikategorikan kepada kaedah penelitian dan juga kaedah analisis bagi teoretis. Menurut pandangan Dasrun Hidayat, Zainur Rosidah, Maya Retnasary, Mahardiansyah Suhadi (2019), menyatakan bahawa kaedah metodologi kajian ini juga merupakan satu perkara yang dapat merungkai segala objektif kajian yang telah dinyatakan. Pengumpulan data-data yang sekunder menjadikan sesebuah kajian tersebut menjadi relevan.Bagi merungkaikan objektif sesuatu kajian itu secara terperinci penelitian bagi deskriptif telah dikaji di dalam sesebuah analisis kajian menerusi pengumpulan-pengumpulan data yang telah dikumpulkan. Menerusi buku *Metodologi Kajian: Panduan Menulis Tesis* pada tahun 2017, Fuad Mohamed Berawi menyatakan bahawa idea penyelidikan saintifik dan pembahagian

penyelidikan kepada kategori gunaan dan asas untuk menjadikan bab-bab berikutnya lebih mudah dibaca. Kategori penyelidikan, dimensi, metodologi dan istilah utama untuk membantu pembaca memahami penyelidikan. Langkah-langkah penting dalam proses penyelidikan ialah lebih kepada pengenal pastian masalah, reka bentuk kajian, konsep pembolehubah, hipotesis penyelidikan, dan pengumpulan maklumat dan data, pemprosesan, dan analisis.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.2. REKABENTUK KAJIAN

Tajuk:

Nilai-Nilai Insaniah dan Rabbaniyah dalam drama “*Quran Buruk*” berdasarkan Teori Taabudiyah



Objektif Kajian:

- i. Mengenal pasti hubungkait unsur rabbaniyah dan insaniah menerusi drama “*Quran Buruk*” karya Rasyid Sibir.
- ii. Menghuraikan perkaitan unsur rabbaniyah dan insaniah berdasarkan teori ta’abudiyah di dalam drama “*Quran Buruk*” karya Rasyid Sibir.
- iii. Menganalisis keistimewaan hubungan unsur rabbaniyah dan unsur insaniah dalam membentuk keperibadian manusia yang seimbang.



Subjektif Kajian:

Drama “*Quran Buruk*” karya Rasyid Sibir berdasarkan pendekatan Reori Taabudiyah



Metodologi Kajian:

- Kaedah kualitatif
- Teori Taaabudiyah



Dapatkan Kajian:

- Hasil kajian berdasarkan objektif kajian.



Rumusan:

Nilai Insaniah dan Nilai Rabbaniyah di dalam drama “*Quran Buruk*” karya Rasyid Sibir dapat memebri contoh tauladan kepada masyarakat.



Rajah 3.2: Reka Bentuk Kajian

Menerusi rajah 3.2 iaitu reka bentuk kajian merupakan salah satu pendekatan kaedah secara ringkas dalam menyempurnakan pemasalahan kajian. Merujuk kepada tajuk kajian yang dipilih nilai-nilai Insaniah dan Rabbaniyah merupakan nilai yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat. Hal ini demikian kerana, untuk menjadi manusia yang sentiasa seimbang dunia dan akhirat nilai-nilai Insaniah dan Rabbaniyah perlu ada dalam diri setiap masyarakat supaya diri sentiasa sempurna dalam kehidupan sama ada sempurna pada dunia maupun akhirat. Hal ini jelas, pengkaji memilih karya Rasyid Sibir iaitu drama *Quran Buruk* sebagai bahan rujukan dalam penguraian dalam sesebuah kajian.

Tambahan juga, Di dalam penulisan ini pengkaji telah menggunakan pendekatan Teori Ta'abudiyah untuk mengukuhkan lagi kajian yang dilakukan. Bukan itu sahaja, merujuk pada objektif yang dipilih terdapat 3 objektif dalam kajian dipilih. Hal ini demikian kerana 3 objektif ini merupakan komponen dalam mengukuhkan penulisan yang dibuat. Tambahan juga, ianya dapat membantu pengkaji dalam mengenal pasti kandungan penulisan bagi setiap bab yang di lakukan. Metodologi kajian di dalam penulisan ini mempunyai 2 kaedah iaitu menggunakan kaedah kualitatif dan juga pendekatan Teori Ta'abuyah. Teori Ta'abudyah merupakan teori keagaaman yang sarat dengan nilai dakwah. Hal ini sangat bersesuaian dengan kajian yang dilakukan. Bukan itu sahaja, dapatan kajian juga telah digunakan di dalam penulisan ini. Hal ini bertujuan untuk menambahkan lagi sumber rujukan yang ada dan juga menggunakan pemerhatian daripada pelbagai pihak bagi mengukuhkan lagi objektif yang dibuat. Rumusan bagi kajian ini jelas dapat dilihat huraihan bagi tajuk yang dipilih akan dirumuskan semula secara menyeluruh. Hal ini demikian kerana pengkaji ingin memberikan kefahaman yang mudah kepada pembaca tentang tajuk kajian yang dipilih.

Di dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif yang terdiri daripada kaedah kepustakaan, kaedah pemerhatian dan juga kaedah analisis dokumen. Kaedah kepustakaan ini merupakan kaedah yang banyak membantu pengkaji dalam mencari maklumat. Hal ini demikian kerana, pengkaji memilih perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan untuk dijadikan sebagai sumber rujukan di dalam sesebuah kajian.

### **3.3. KAE DAH KAJIAN**

Menerusi penulisan kajian ini, kandungan yang dihuraikan di dalam penulisan ini lebih tertumpu kepada nilai-nilai insaniah dan rabbaniyah berdasarkan tinjauan yang telah dibuat iaitu drama *Quran Buruk* karya Rasyid Sibir. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif sebagai sumber rujukan yang sahih bagi menghuraikan lebih mendalam perkaitan antara drama tersebut dengan unsur nilai rabbaniyah dan insaniah mengikut pendekatan teori yang telah dipilih iaitu Teori Taabudiyah.

#### **3.3.1. Kaedah Kepustakaan**

Kaedah ini telah digunakan dalam mencari maklumat-maklumat yang berkaitan dengan buku-buku, jurnal, tesis-tesis dan juga keratan akhbar. Bahan penulisan ini digunakan bagi tujuan untuk membantu para pengkaji dalam mencari maksud dan definisi berkaitan dengan maklumat-maklumat atau perkataan-perkataan yang kurang jelas seperti definisi insaniah, definisi rabbaniyah, definisi bagi drama dan sebagainya. Pengkaji banyak memilih buku dan meminjam buku di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan bagi membantu pengkaji dalam menghuraikan berkaitan dengan definisi bagi setiap kajian. Bukan itu sahaja, kaedah ini juga akan dikumpulkan setiap kandungan berkaitan dengan objektif kajian.


### 3.3.2. Kaedah pemerhatian

Menerusi kaedah ini, pemerhatian jika dilihat mempunyai dua bahagian iaitu pemerhatian terus dan juga pemerhatian penglibatan. Dalam konteks ini, pemerhatian terus telah melibatkan pemerhatian langsung sebagai contoh pengiraan bagi jumlah-jumlah pengumpulan maklumat yang telah dijalankan berteraskan dengan objektif kajian yang telah ditetapkan. Menerusi penulisan ini dapat dilihat dengan jelas pengumpulan yang dibuat banyak tertumpu kepada kajian lepas berkaitan dengan jurnal-jurnal, tesis dan juga buku-buku yang berkaitan dengan isu bagi kajian yang dibuat. Bertitik tolak daripada itu, dengan menjalankan kaedah sebegini, pengkaji dapat mengasingkan dan mengumpulkan lebih banyak maklumat berkaitan dengan tajuk kajian yang telah dijalankan. Bukan itu sahaja, kaedah pemerhatian seperti visual dan auditori telah digunakan di dalam kajian ini iaitu penontonan drama bagi memperoleh maklumat yang berkaitan dengan isu kajian yang telah digunakan oleh pengkaji. Hal ini, drama yang menjadikan kaedah pemerhatian ini digunakan ialah drama *Quran Buruk* karya Rasyid Sibir. Hal ini bertujuan untuk memperoleh maklumat-maklumat yang dapat dijadikan contoh dalam menyelesaikan perkara berkaitan dengan objektif kajian dan juga permasalahan kajian.

### 3.3.3. Kaedah Analisis Tekstual

Pengkaji menggunakan kaedah analisis textual menerusi tontonan drama di aplikasi *Youtube* secara teliti. Kaedah ini telah digunakan bagi tujuan mengenalpasti nilai-nilai insaniah dan rabbaniyah yang ada di dalam drama *Quran Buruk*. Pengkaji juga telah meneliti kesemua aspek yang terkandung di dalam drama ini bagi memastikan plot cerita yang dipilih mengandungi nilai-nilai insaniah dan rabbaniyah yang dapat membentuk peribadi masyarakat berkeperibadian. Dalam konteks ini juga, setiap nilai-nilai yang ada di dalam drama ini akan diselitkan dengan pendekatan teori taabudiyah.

### 3.4. PROSES PENGUMPULAN DATA



Rajah 3.4: Proses Pengumpulan Data

Merujuk kepada gambar rajah diatas merupakan turutan dalam menghasilkan sebuah laporan penulisan. Merujuk kepada huraian di bawah menerangkan tentang beberapa perkara dalam proses memperolehi data:

### **3.5. KAEADAH ANALISIS DATA**

Menurut kajian saudari NorAmirah dan juga saudara Wan Mohd Khairul pada tahun 2017 menyatakan bahawa pengkaedahan analisis bagi data merupakan suatu kaedah dalam menganalisiskan kandungan huraian, menghuraikan secara terperinci bagi topik dan juga merumuskan setiap bab mengikut bahagian yang telah dikaji. Oleh hal yang demikian, setiap analisis nilai-nilai insaniah dan rabbaniyah di dalam drama *Quran Buruk* telah dipilih oleh pengkaji dengan menggunakan pendekatan teori taabudiyah iaitu berteraskan pengisian yang digunakan oleh pengkarya di dalam drama tersebut.

#### **3.5.1. Struktural**

Struktural merupakan penghuraian berkaitan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan ketatabahasan yang digunakan di dalam penulisan kajian ini. Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2010)* struktural membawa makna sesuatu perkara yang telah terhasil menerusi kepelbagaiannya bahan-bahan, unsur-unsur, mahupun dari sudut aspek sehingga terhasilnya satu bentuk sistem atau pola rajah. Manakala menurut pandangan Nafi Mat pada tahun 2006 telah menyatakan bahawa kaedah bagi struktural merupakan sebuah kaedah pengajaran bagi bidang kesusastraan menerusi aspek tertentu iaitu gaya bahasa didalam karya, watak dan juga perwatakan, nilai murni, pengajaran dan sebagainya. Dalam konteks ini, setiap contoh karya yang digunakan disusun dan dihuraikan dengan baik bagi menyelaras penggunaan bahasa. Tambahan juga kaedah ini memiliki penghuraian berkaitan dengan plot cerita, watak dan perwatakan, sudut pandangan dan penggunaan gaya bahasa.

Bertitik tolak daripada itu, karya drama *Quran Buruk* banyak menekankan berkaitan aspek ketuhanan dan aspek kemanusiaan berteraskan dengan teori Taabudiyah. Menerusi kajian di dalam karya drama *Quran Buruk* ini, aspek kemanusiaan yang telah ditekankan di dalam penelitian kajian ini merupakan tindakan bagi manusia dari sudut lahiriah dan juga rohaniah. Tambahan juga isu yang ditekankan di dalam kajian ini ialah nilai islam yang ditunjukkan oleh watak yang telah menjadikan sikap seseorang dapat seimbang dari segi peribadi. Sebagai contoh, seseorang itu dapat menjadi individu yang sentiasa merendahkan diri, individu yang sentiasa menjaga hubungan baik dengan orang sekeliling, individu yang sentiasa memelihara ibadah dengan sempurna dan sebagainya. Oleh hal yang demikian jelas dapat dilihat unsur ketuhanan dan kemanusiaan merupakan elemen yang berkait rapat dengan teori taabudiyah yang membawa seseorang berkeperibadian yang seimbang dari aspek emosi, tingkah laku, pertuturan dan sebagainya.

Menerusi kajian yang telah dipilih, nilai pengajaran yang dapat kita jadikan contoh di dalam drama *Quran Buruk* ialah menerusi watak antagonis isteri kepada Imam Adam iaitu Salwa. Kita janganlah bersikap kurang beradab kepada suami. Hal ini demikian kerana, Salwa merupakan seorang isteri yang sentiasa tidak patuh akan suaminya Imam Adam. Beliau tidak pernah mengikut apa yang disuruh oleh Imam Adam sebagai contoh tidak menutup aurat dengan sempurna. Hal ini, menurut islam kaum wanita wajib untuk menutup aurat dengan sempurna kerana ianya merupakan perkara suruhan yang perlu dilakukan oleh umat islam dalam menjadi wanita muslimah sejati. Tambahan juga, menerusi watak Salwa ini beliau juga merupakan isteri Imam di kampung tersebut dan juga menjadi contoh kepada penduduk kampung sebagai *role model* kepada mereka.

### 3.5.2. Teoritikal



Rajah 3.5.2: Teori Ta'abudiyah

Teori Taabudiyah adalah teori yang menjadi asas dalam penulisan kajian ini. Halini demikian kerana teori ini merupakan teori berbentuk sastera islam yang telah dipelopori oleh pengkritik sastera Malaysia iaitu Dr Abdul Rahman Napiah yang dikenali sebagai Mana Sikana. Beliau merupakan seorang tokoh yang mengasaskan teori ini berpandukan aspek dalam Islamiyah. Menerusi teori yang telah dipilih, teori adalah merupakan suatu bentuk ibadah dalam mendekatkan diri kepadaNya untuk memperolehi keredhaan Allah SWT. Menerusi penulisan sesebuah karya teori keislaman ini, 4 perkara yang telah difokuskan oleh pengkarya iaitu menurut pandangan Mana Sikana (2014) menyatakan bahawa teori taabudiyah mempunyai latar kepada penulis, aspek dalam pengisian-pengisian bagi karya, teknik-teknik dalam penulisan sesebuah karya dan juga fungsi-fungsi karya yang menjadi tunjang utama dalam beribadah. Tambahan juga teori taabudiyah ini juga mirip dengan teori strukturalisme dan juga teori psikologi, namun demikian teori taabudiyah lebih tertumpu kepada unsur keislaman. Di dalam penulisan kajian ini pengarang lebih memilih dari sudut pendekatan pengisian karya di dalam teori taabudiyah bagi menghuraikan lebih mendalam berkaitan dengan topik yang telah dipilih untuk dijadikan bahan kajian mengikut skop objektif kajian.

Bagi pendekatan pengisian karya, kandungan-kandungan di dalam sesebuah karya itu mengandungi persoalan-persoalan utama, tema karya, dasar pemikiran kreatif, ideologi yang dikeluarkan dan juga falsafah yang dikemukakan di dalam kandungan kajian. Setiap topik yang dibawa perlulah berteraskan dengan aspek keislaman di dalam penulisan karya. Dalam konteks ini juga, bentuk kepengarangan yang dibawa oleh seorang pengkarya sangat berperanan dalam mengetengahkan isu-isu keislaman di dalam sebuah karya.

Proses-proses kreatif merupakan elemen yang menggabungkan elemen-elemen keislaman bagi membentuk karya yang kreatif selaras dengan kandungan huraian berteraskan ibadah. Sebagai contoh, pembawaan mesej-mesej yang baik, unsur-unsur kerohanian dalam diri yang dapat dijadikan contoh kepada pembaca dan juga, perkara-perkara berkaitan dengan ketuhanan. Dalam hal ini, kandungan yang dihuraikan oleh pengkarya perlulah berkait dengan mesej yang ingin disampaikan.

Menerusi kajian yang dipilih tema yang pengarang ingin ketengahkan menerusi drama yang dipilih ialah bertemakan ketuhanan. Sebagai contoh tema drama *Quran Buruk* karya Rasyid Sibir ialah watak utama yang sentiasa berusaha mengingati masyarakat untuk sentiasa beribadah pada bulan Ramadhan. Hal ini dapat dilihat menerusi situasi drama ketika Imam Adam menaiki motosikal dan berjumpa dengan Samad iaitu salah seorang penduduk kampung disitu. Situasi drama ini memaparkan keadaan Imam Adam ingin mengajak Samad untuk berkunjung ke masjid. Hal inidemikian kerana, pada waktu itu merupakan bulan Ramadhan. Oleh itu, sewajarnya bagi golongan umat islam untuk saling berlumba-lumba melakukan ibadah.

Selain daripada itu, pendekatan berkaitan dengan latar belakang penulis. Rasyid Sibir merupakan pengarah yang berjiwa seni dalam dunia industri drama sejak 30 tahun lagi. Beliau digelar sebagai pengarah drama air mata dari para penonton. Hal ini demikian kerana, beliau mahir dalam menyantuni jiwa masyarakat untuk lebih ke arah kebaikan. Hal ini demikian kerana, beliau menyukai suasana persekitaran yang dapat memberi tauladan kepada masyarakat. Beliau mengarahkan sesebuah filem atau drama itu berkait rapat dengan persekitaran kemasyarakatan yang banyak kearah pembentukan nilai moral.

Oleh itu, menerusi karya Rasyid Sibir ini telah menjadikan sesebuah filem atau drama itu dipupuk ke arah mendisiplin kan diri dan menghormatai orang yang lebih tua.

### **3.6. Instrumen**

Instrumen kajian adalah bahan yang digunakan oleh pengkaji dalam menyiapkan penulisan kajian ini. Instrumen kajian ini juga merupakan suatu perkara dalam memperoleh data-data yang bergantung kepada diksi yang menerangkan aspek ketuhanan dan kemanusiaan berteraskan objektif kajian. Dalam memperolehi data-data mengikut objektif kajian, pengkaji telah meneliti drama *Quran Buruk* karya Rasyid Sibir dalam memperolehi nilai-nilai yang terkandung di dalamnya untuk membentuk diri berinsaniah dan rabbaniyah. Selain daripada itu, kandungan objektif kajian ini juga berteraskan dengan teori taabudiyah iaitu pendekatan pengisian isi yang terkandung di dalam kajian tersebut.

### 3.7. Rumusan

Kesimpulannya, bahagian ini merupakan bahagian yang telah menjelaskan berkaitan dengan kaedah-kaedah serta metodologi yang telah pengkaji gunakan di dalam penulisan kajian ini. Menerusi kaedah metodologi, ianya merupakan kaedah yang menjelaskan tentang kaedah-kaedah yang telah digunakan dalam sesebuah kajian seperti kaedah dalam kepustakaan, kaedah analisis dalam textual dan juga kaedah dalam teoritikal. Setiap kaedah-kaedah ini bertujuan untuk menyokong dan membantu pengkaji dalam menjalani kajian dengan sistematik dan teratur. Tambahan juga, kaedah-kaedah ini sangat penting kepada pengkaji dalam memperoleh idea-idea dan sumber tambahan berkaitan dengan kajian yang telah pengkaji pilih. Bukan itu sahaja, kaedah ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif dalam membentuk kajian berdasarkan tajuk yang telah ditetapkan. Oleh itu, jelaslah kaedah metodologi merupakan perkara dalam memastikan sesebuah kajian dapat dilaksanakan dengan baik dan juga, dapat membantu pengkaji dalam memperoleh idea-idea yang menarik.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### ANALISIS KAJIAN

#### 4.1. PENGENALAN

Menerusi bahagian ini, analisis kajian akan difokuskan oleh pengkaji iaitu menghuraikan secara terperinci berkaitan dengan hasil dapatan kajian yang telah terikat dengan tiga komponen objektif kajian yang memfokuskan kepada nilai-nilai insaniah dan rabbaniyah dalam drama “*Quran Buruk*” berdasarkan teori taabudiyah karya Rasyid Sibir. Menerusi kajian ini hasil penulisan lebih tertumpu kepada pendekatan kaedah kualitatif dan mempunyai kaitan dengan objektif kajian yang pertama iaitu hubungkait unsur rabbaniyah dan insaniah menerusi drama ‘*Quran Buruk*’. Disamping itu juga, bahagian ini pengkaji yang akan membuat analisis secara jelas berkaitan dengan unsur rabbaniyah dan insaniah berdasarkan kaedah teoritikal iaitu teori taabudiyah. Dalam konteks ini, teori taabudiyah yang telah dipilih oleh pengkaji bertujuan untuk memudahkan lagi pengetahuan pengkaji dalam menghuraikan penulisan kajian dengan berkesan. Menerusi teori yang dipilih pengkaji telah memfokuskan kepada aspek Islamiyah melalui pendekatan teori taabudiyah iaitu dengan menggunakan pendekatan pengisian kajian yang mengandungi persoalan-persoalan utama, tema karya, dasar pemikiran kreatif, ideologi yang dikeluarkan dan juga falsafah yang dikemukakan di dalam kandungan kajian.

#### 4.2. Hubungkait Unsur Rabbiah dan Unsur Insaniah menerusi drama *Quran Buruk*

Menurut pandangan Lau, G. T., And Lee, S. H pada tahun 1999 istilah bagi kepercayaan merupakan salah satu perkara yang telah diamanahkan kepada seseorang bertujuan untuk bergantung dirinya kepada orang lain ataupun pihak lain bagi tujuan tertentu. Pada tahun 2017, menurut pandangan Ibn Tufayl menerusi kajian Muhammad Usman menyatakan bahawa Tuhan didefinisikan sebagai sebuah elemen zat yang sangat sempurna dan memberi kewujudan kepada sesuatu perkara. Oleh hal ini, kepercayaan mengenai ketuhanan dapat disimpulkan dan juga diertikan salah satu elemen keyakinan bagi manusia yang mempunyai pegangan agama tentang ketuhanan dan mempercayai bahawa tuhan merupakan sang pencipta alam dan juga manusia dengan mematuhi segala perintah dari-Nya berlandaskan kepercayaan dan juga pegangan agama yang tulus mengikut agama masing-masing. Ini ditunjukkan dengan cara seseorang menunjukkan kepercayaannya kepada Tuhan dengan melakukan ibadah.

Selain daripada itu, menurut pandangan Mohd Fakhrudin Abdul Mukti pada tahun 1999 di dalam kajian *Isu Ketuhanan dalam Bicara Falsafah* telah menerangkan bahawa realiti ketuhanan adalah sempurna dan jelas. Allah adalah Pencipta dan Tuhan sekalian alam. Dia menciptakan semua yang ada di antara langit dan bumi, termasuk makhluk besar dan kecil yang tersembunyi dari pandangan dan pemahaman manusia dan yang dapat dilihat oleh mata tanpa bantuan. Oleh kerana sifat Allah Agong dan Maha Besar adalah berbeza dengan sifat-sifat lain, ia mestilah di luar skop pengetahuan manusia dan pemikirannya yang terbatas dan terhad. Tanpa pengajaran agama, orang pasti akan menyimpang dan meraba-raba mencari realiti yang berada di luar kefahaman mereka.

#### 4.2.1. Unsur Jalinan Ukhuwah

Menurut pandangan pengkaji Khairi Bin Haji Othman dan juga pengkaji Khairie Shafie pada tahun 2016 di dalam kajian Mohd Firdaus Bin Che Yaacob dan juga Muhammad Nur Al-Hakimi (2020) kajian yang bertajuk *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* menyatakan bahawa sikap yang bertatasilah ataupun disebut sebagai sikap yang sopan merupakan rangkuman kefahaman ilmu-ilmu pengetahuan yang telah diperoleh secara formal dan juga tidak formal. Hal ini demikian cerita-cerita rakyat adalah penyampaian ilmu-ilmu yang tidak statik atau disebut tidak formal yang boleh dilakukan secara santai kerana ianya menggunakan cara bercerita atau cara menyampaikan kepada orang ramai. Bukan itu sahaja, jika dilihat pada sisi agama islam moral akhlak sangat diutamakan bagi agama Islam menerusi pembinaan peradaban bangsa-bangsa yang sangat cemerlang dari sudut sikap individu.

Perkara ini dapat dilihat menerusi babak Imam Adam sentiasa menyetujui jemputan untuk menjadi Imam dalam solat tarawih di kampung sebelah. Hal ini jelas dilihat akhlak yang cuba disampaikan menerusi babak ini bukan sahaja menjadikan diri dekat dengan Maha Pencipta malahan ianya juga dapat mengeratkan sillaturahim antara semua makhluk.

- |                  |   |  |
|------------------|---|--|
| <i>Ibrahim</i>   | : | <i>Ya imam, minggu depan jadi ka nak buat ceramah jemputan orang. Jadi ka?</i> |
| <i>Imam Adam</i> | : | <i>Ya, Insha Allah jadi. Orang jemput tak baik pulak kalau kita tak pergi.</i> |

Petikan dialog drama *Quran Buruk*, 2015

Perkara ini dapat dilihat menerusi kajian Kasoma Thia, Azmin Pullong, Mohd Sohaimi, Mohd Khairi, Saifulazry dan juga Sharifah Darmia (2023) kajian bertajuk *Hak Persaudaraan dan Persahabatan menurut Perspektif Islam: Satu Tinjauan Awal*. Mereka berpendapat bahawa jalinan *ukhuwwah* yang terjalin merupakan dasar kepada penyatuan bangsa-bangsa di dalam sekelompok entiti bagi masyarakat setempat. Lumrah hati dan juga budi individu itu tidak hanya bergantung kepada keturunan, harta, bangsa atau sebagainya malahan ianya diserap berdasarkan nilai moral keperibadian terpuji seseorang. Selain itu, komunikasi sosial antara kaum juga perlu diterapkan mengikut adab-adab yang telah ditetapkan di dalam agama islam. Menurut syara' asas persaudaraan ini perlu diperkuatkan mengikut keimanan yang mantap.

Tambahan ini juga, sekiranya keimanan- keimanan dan sikap ini diabaikan persengketaan dan perbalahan antara masyarakat akan timbul. Hal ini akan melunturkan ikatan persaudaraan antara Muslim. Oleh hal yang demikian, untuk membentuk hubungan *ukhuwwah* yang baik menurut pandangan Kasoma Thia, Azmin Pullong, Mohd Sohaimi, Mohd Khairi, Saifulazry dan juga Sharifah Darmia (2023) di dalam kajian bertajuk *Hak Persaudaraan dan Persahabatan menurut Perspektif Islam: Satu Tinjauan Awal*. Dalam perspektif Islam, hubungan persaudaraan (*ukhuwah*) dan persahabatan (*suhbah*) memiliki nilai penting dan diakui sebahagian intergriti dari ajaran Islam. Berikut adalah beberapa konsep dan hak-hak yang terkait dengan persaudaraan dan persahabatan menurut perspektif Islam. Sebagai contoh *ukhuwah islamiyah* iaitu saling tolong-menolong. Hal ini demikian, muslim diharapkan untuk saling menolong dan mendukung satu sama lain. Ini mencakup memberikan bantuan kepada sesama Muslim dalam keadaan susah atau mengalami kesulitan. Dengan memahami dan mengamalkan nilai-nilai ini, umat Muslim diharapkan dapat membentuk hubungan persaudaraan dan persahabatan yang kuat dan bermakna, menciptakan masyarakat yang

penuh dengan kasih sayang, keadilan, dan kebersamaan.

Bertitik tolak daripada itu, menurut pandangan Fatimah Zuhrah dan Yumasdaleni (2021) di dalam kajian *Masjid, Moderasi Beragama dan Harmoni di Kota Medan* menyatakan bahawa masjid merupakan tempat bagi masyarakat islam bersujud. Hal ini demikian kerana, pada masa awal kepemimpinan Rasulullah SAW, masjid memiliki berbagai fungsi yang sangat penting dalam kehidupan sosial, politik, dan agama umat Islam. Masjid tetap menjadi pusat utama ibadah umat Islam. Di sinilah umat Islam berkumpul untuk melaksanakan solat berjemaah, dzikir, dan ibadah-ibadah lainnya sebagai bentuk penghormatan kepada Allah SWT. Masjid tetap menjadi pusat utama ibadah umat Islam. Di sinilah umat Islam berkumpul untuk melaksanakan solat berjemaah, zikir, dan ibadah-ibadah lainnya sebagai bentuk penghormatan kepada Allah SWT. Menerusi kajian yang telah dipilih iaitu Drama *Quran Buruk* terdapat juga babak yang menunjukkan adegan masyarakat kampung sedang berjemaah di masjid.



Gambar 1 : Masyarakat kampung sedang berjemaah di masjid

Ukhuwah berjemaah di masjid merujuk kepada nilai-nilai persaudaraan dan perpaduan yang diperkuat oleh kebersamaan dalam ibadah di masjid. Hal ini demikian kerana ketika umat Muslim berkumpul di masjid untuk melaksanakan ibadah bersama, seperti solat berjamaah, mereka menciptakan ikatan persatuan yang kuat. Ini mengingatkan mereka bahawa mereka adalah sebahagian dari satu umat yang sama yang

bersatu dalam penghamaan kepada Allah SWT. Selain daripada itu, ibadah berjemaah di masjid membantu meningkatkan kualiti ibadah secara keseluruhan. Ketika jemaah saling memotivasi dan memberi dukungan satu sama lain, mereka cenderung lebih fokus dan khusyuk dalam ibadah mereka.

Berkumpul di masjid untuk ibadah berjemaah juga merupakan kesempatan dalam membangunkan hubungan sosial yang lebih erat dengan sesama umat Muslim. Ini menciptakan lingkungan yang ramah dan bersahabat di mana orang-orang dapat saling bertukar informasi, pengalaman, dan sokongan. Islam mengajarkan bahwa setiap individu adalah sebahagian dari umat manusia yang lebih besar, dan bahawa hubungan antara individu harus didasarkan pada saling penghargaan, saling peduli, dan perpaduan. Hidup dalam komuniti memungkinkan kita untuk mewujudkan nilai-nilai ini secara lebih efektif daripada hidup sendiri. Justeru itu, terlihat di dalam potongan ayat dari surah Al-Hujurat:

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”*

Surah Al-Hujurat: 13

Bukan itu sahaja, dengan solat berjemaah ianya dapat membantu dalam meningkatkan pahala seseorang. Hal ini jelas dapat dilihat di dalam potongan hadis seperti:

*“...Solat berjemaah melebihi solat bersendirian dengan 27 darjah (atau 27 kali ganda)...”*

Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim

Menerusi petikan hadis diatas jelas dapat dilihat fadhilat bagi masyarakat islam dalam solat bersama merupakan arus dalam perpaduan masyarakat . Bukan itu sahaja, pemimpin solat berjemaah (imam) juga mendapatkan pahala yang besar kerana membimbing dan memimpin jemaah dalam ibadah. Ini adalah tanggungjawab besar yang diberikan kepada imam dan memberikan peluang besar untuk mendapatkan pahala yang banyak.

Tuntasnya, solat berjemaah memiliki banyak keutamaan dan keberkatan yang tidak dapat diabaikan dalam keagamaan umat Islam. Ini adalah salah satu cara yang paling efektif untuk memperkuatkan hubungan spiritual dengan Allah SWT dan hubungan sosial dengan sesama umat Islam.

Bertitik tolak daripada itu, nilai ukhuwah juga boleh dilihat menerusi hubungan sesama masyarakat iaitu menziarahi rumah ke rumah. Hal ini dapat dilihat contoh babak di antara Salwa menziarahi Mariam :



Gambar 2: Salwa menziarahi Mariam

Menziarahi rumah ke rumah adalah tindakan yang sangat dianjurkan dalam Islam. Ini adalah sebahagian dari budaya sosial dan nilai-nilai kemanusiaan yang sangat dihargai dalam agama. Menziarahi rumah ke rumah adalah cara untuk menjaga hubungan sosial yang baik dengan tetangga, kerabat, teman, dan anggota komunitas

lainnya. Ini menciptakan ikatan yang kuat antara individu dan memperkuat rasa persaudaraan. Dengan menziarahi rumah ke rumah, kita dapat menunjukkan perpaduan dan kebersamaan dengan mereka yang sedang mengalami kesulitan, kesedihan, atau sakit. Ini adalah cara untuk menunjukkan sokongan moral dan emosional kepada mereka dalam saat-saat sulit. Bukan itu sahaja, menziarahi rumah ke rumah dapat memberikan kesempatan untuk memberikan kenyamanan, semangat, dan sokongan kepada mereka yang memerlukan. Dengan menunjukkan kehadiran kita, kita dapat memberikan sokongan positif kepada mereka dan memperkuatkan rasa kepercayaan dan harapan kepada seseorang.

Menerusi perkara ini, jelas dapat dilihat bahawa dengan menziarahi masyarakat disekeliling bukan sahaja dapat mendekatkan diri dengan masyarakat malahan diri juga dapat mendekatkan dengan Maha Pencipta. Dengan demikian, menziarahi rumah ke rumah bukan hanya sekadar tindakan sopan santun, tetapi juga merupakan cara untuk memperkuatkan hubungan sosial, memperluaskan jaringan sosial, dan menciptakan lingkungan yang berempati dan perpaduan di dalam masyarakat.

#### **4.2.2. Unsur Rendah Diri**

Bertitik tolak daripada itu, hubungkait yang dapat dilihat menerusi drama *Quran Buruk* ini berteraskan konsep rabbaniyah dan insaniah ialah menerusi babak Imam Adam berdoa dengan rendah diri dan khusyuk setelah beliau selesai membaca *Surah Yaasin* sehingga beliau mengeluarkan air mata.

*Imam Adam : Ya Allah Ya Tuhan, berikanlah aku kekuatan dan kebenaranMu. Ya Allah Ya Tuhan, kuatkanlah semanagatku untuk menerima kebenaran dariMu. Aku insan yang kerdil Ya Allah insan yang lemah. Berikanlah petunjuk taufiq dan hidayah dariMu kepadaku Ya Allah jalan yang benar, jalan yang lurus dunia dan akhirat. Walhamdulillah Hirabil a'lamin.*

Petikan dialog drama *Quran Buruk*, 2015

Menerusi petikan diatas dapat dilihat, nilai rendah diri sangat penting bukan sahaja pada mata masyarakat malahan nilai tersebut juga sangat penting di sisi Yang Maha Esa. Hal ini demikian kerana, seseorang itu dapat menjauhkan dirinya dari sikap-sikap mazmumah iaitu sikap takbur. Menurut pandangan Mohd Firdaus Bin Che Yaacob (2018) di dalam kajian yang bertajuk *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* Mohd Firdaus Bin Che Yaacob dan juga Muhammad Nur Al-Hakimi (2020) menyatakan bahawa unsur rendah diri merupakan perbuatan yang bersederhana dan juga sikap yang sentiasa rendahkan ego sepanjang kehidupan. Bukan itu sahaja, *tawadhu* merupakan salah satu konsep bagi nilai rendah diri. Menerusi drama dari petikan diatas jelas dapat dilihat, sekiranya seseorang itu sentiasa merendahkan diri untuk memperolehi pertolongan dari Maha Pencipta, bukan sahaja diri sentiasa diberkati malahan akhlak dan juga perwatakan seseorang itu dapat disanjungi oleh masyarakat sekeliling seperti watak Imam Adam yang sentiasa dihormati oleh jemaah kampung.

#### 4.2.3. Unsur Ketaatan

Menurut pandangan Anthony, John dan juga Hardon pada tahun 1989 menyatakan bahawa keutamaan moral dari ketaatan mendorong keinginan seseorang

untuk menyerah pada keinginan seseorang yang memiliki posisi berkuasa. Konsep ketaatan merujuk kepada kepatuhan terhadap peraturan, nilai, atau tata tertib yang ditetapkan oleh individu, kelompok, atau pihak berkuasa yang berwenang. Ini adalah prinsip yang penting dalam berbagai konteks, baik itu dalam hubungan individu dengan pihak berkuasa, dalam kehidupan sosial, politik, agama, atau organisasi. Secara umum, ketaatan merupakan prinsip yang penting untuk menjaga ketertiban, keadilan, dan keharmonian dalam berbagai konteks kehidupan manusia. Namun, penting juga untuk diingat bahwa ketaatan bukanlah tujuan dalam dirinya sendiri, dan dalam beberapa kasus, penolakan terhadap ketaatan terhadap pihak berkuasa yang salah atau melanggar hak asasi manusia dapat menjadi tindakan yang sah dan bermoral.

Menerusi kajian yang dibuat di dalam drama *Quran Buruk* jelas dilihat watak Imam Adam sangat dekat dengan nilai ketaatan. Hal ini demikian kerana Imam Adam merupakan seorang yang sangat menjaga amal ibadahnya. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya nilai ketaatan itu mempunyai pendekatan dengan watak Imam Adam. Sebagai contoh:



Gambar 3: Imam Adam sentiasa memusatkan diri setelah selesai solat

Sumber: *Youtube*

Menerusi tangkapan layar diatas, jelas dapat dilihat bahawa nilai ketaatan dalam

diri Imam Adam sangat kuat. Hal ini demikian kerana ketaatan diri kepada pencipta didasarkan pada kesedaran bahawa manusia adalah makhluk yang bergantung pada pencipta untuk eksistensi dan kehidupan mereka. Ini menciptakan kewajiban moral dan spiritual untuk mengakui dan menghormati kebijaksanaan pencipta.

Menerusi unsur-unsur ketaatan dalam diri, adalah penting bagi individu untuk membangunkan pemahaman yang lebih baik tentang diri mereka sendiri, selain itu, dapat meningkatkan keyakinan diri, dan belajar menerima diri mereka dengan semua kelebihan dan kekurangan mereka. Bukan itu sahaja, sokongan sosial dan profesional juga boleh membantu individu untuk mengatasi isu-isu ini dan membina imej diri yang lebih positif. Oleh itu, jelas dapat dilihat bahawa nilai ketaatan ini mempengaruhi aspek insaniah yang dapat mendidik jiwa sentiasa berakhhlak mulia. Tambahan juga, nilai ini bukan sahaja dapat mendidik jiwa sentiasa berakhhlak malahan ianya juga dapat mendekatkan diri kepada pencipta.

Oleh hal yang demikian jelas dapat dilihat drama “*Quran Buruk*” dapat memberikan pandangan mendalam mengenai hubungan antara unsur Rabbaniyah dan Insaniah dengan menerangkan betapa pentingnya memahami dan mengamalkan nilai-nilai agama dalam konteks kehidupan manusia yang kompleks. Dalam drama ini, mungkin dipaparkan betapa pentingnya mencari keseimbangan antara ketaatan kepada prinsip keagamaan (Rabbaniyah) dan penghormatan terhadap hak asasi manusia serta nilai-nilai kemanusiaan (Insaniah). Ini menunjukkan bahawa agama tidak harus bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan, sebaliknya seharusnya saling melengkapi.

Bertitik tolak daripada itu, nilai taat yang seterusnya ialah nilai ketaatan seorang

anak kepada ibunya. Sebagai contoh babak diantara Khadijah bersama ibunya iaitu Salwa ketika Khadijah mengurutkan kepala Salwa :



Gambar 4: Khadijah sedang mengurutkan kepala Salwa

Sumber: *Youtube*

Merujuk gambar diatas jelas dapat dilihat walaupun Khadijah seorang yang sangat nakal dan juga bersosial tanggungjawabnya terhadap ibunya sangat dia turuti. Hal ini demikian kerana ketaatan seorang anak kepada ibunya merupakan aspek penting dalam pembentukan nilai-nilai keluarga dan hubungan yang harmonis di dalamnya. Anak yang taat kepada ibunya akan patuh terhadap aturan dan nilai-nilai yang diajarkan oleh ibunya. Ini termasuklah patuh terhadap waktu tidur, waktu belajar, dan perilaku yang baik sesuai dengan ajaran yang ditanamkan oleh ibunya. Ketaatan anak kepada ibu juga melibatkan sikap empati atau sikap kepedulian terhadap perasaan dan bantuan dari ibunya. Anak yang taat akan mencuba untuk memahami perasaan ibunya, membantu meringankan beban ibunya, dan memberikan sokongan dari aspek emosional.

Justeru itu, nilai ketaatan anak kepada ibunya melibatkan pelbagai aspek seperti hormat-menghormati, bekerjasama, patuh kepada peraturan, mendengar dengan baik, empati, kesetiaan, dan pengorbanan. Ini semua adalah asas penting dalam membina hubungan harmoni antara anak dan ibunya, serta membentuk nilai positif dalam keluarga.

### **4.3. Perkaitan antara Unsur Rabbaniyah dan Unsur Insaniah dalam drama *Quran Buruk* menerusi Teoro Ta'abudiyah**

Menurut pandangan Mana Sikana pada tahun 2014 di dalam bukunya yang bertajuk *Teori Sastera Taabudiyah* beliau menyatakan bahawa teori taabudiyah ini mempunyai 4 unsur yang terkandung di dalamnya iaitu yang pertama ialah latar belakang penulis, pengisian karya, teknik penulisan dan juga fungsi karya. Selain daripada itu Teori ta'abudiyah merujuk pada konsep penyembahan atau pengabdian kepada Allah dalam teologi Islam. Ini merangkumi semua tindakan ibadah dan perbuatan yang dilakukan dengan niat yang tulus dan dedikasi kepada Allah, tanpa menyekutukan-Nya dengan sesuatu perkara. Prinsip ini menekankan kepada ajaran monoteisme dalam Islam, iaitu kepercayaan kepada Keesaan Allah. Menurut pandangan Hasbi Arijal (2015) di dalam karya beliau *Problem konsep Monoteisme dalam agama-agama semit* menyatakan bahawa monoteisme merujuk kepada pemahaman tentang Tuhan merupakan pencipta satu yang tidak berubah-ubah.

#### **4.3.1. Latar Belakang Penulis**

Menerusi kajian ini, pengkaji percaya bahawa hasil karya yang dibuat oleh Rasyid Sibir berkemungkinan memiliki latar belakang beliau sendiri sama ada beliau pernah menghadapinya atau beliau pernah melihatnya. Dalam konteks ini, setiap perilaku yang dilakonkan oleh para pelakon sangat menjiwai dan sangat dekat dengan masyarakat. Hal ini demikian kerana banyak juga perkara yang sama sentiasa berada di akhbar-akhbar, media sosial dan sebagainya. Sebagai contoh isteri membunuh suami, isteri memukul suami atau anak-anak meninggalkan ibunya di tempat awam. Perkara ini jelas dapat dilihat mempunyai elemen yang sama di mana menerusi drama kebanyakkan yang dilakonkan adalah isteri menderhaka kepada suami seperti Puan Salwa sentiasa

meninggikan dan berbohong kepada suaminya iaitu Imam Adam.

Tambahan juga, situasi tersebut menggambarkan nilai moral yang dapat dicontohi oleh orang ramai supaya sentiasa berhati-hati dalam berbicara dan sentiasa patuh akan suami. Menurut pandangan Saidah Sakinah dan juga Nur Afifah (2017) menyatakan bahawa seorang pengkarya yangberjiwa masyarakat sangat tinggi dengan nilai moral-moral menerusi unsur drama yang sejajar dengan tema yang telah ditampilkan berkenaan dengan nilai kemanusiaan. Hal ini demikian, perkara tersebut dapat mendidik orang ramai supaya sentiasa memiliki nilai moral dalam diri. Sebagai contoh watak Salwa yang sentiasa keluar bersama lelaki lain demi kepuasan nafsunya sedangkan dia masih lagi bergelar isteri kepada suaminya Imam Adam.



Gambar 5: Salwa bersama Samad di pondok usang

Sumber: *Youtube*

Menerusi perkara ini, jelas dapat dilihat Salwa tidak memiliki nilai insaniah yang baik dalam diri beliau sehingga sanggup melakukan perkara terkutuk demi kepuasan hatinya. Hal ini menerusi kajian Muhammad Ariff bin Ahmad (1994) di dalam kajiannya *Hak/tanggungjawab suami-isteri* telah menyatakan bahawa seorang isteri mempunyai

tanggungjawab yang besar terhadap suaminya. Dalam konteks ini, seorang isteri seharusnya sentiasa taat dan juga patuh akan seorang suami dengan cara sentiasa bersikap jujur, ikhlas terhadap suami demi mencari keredhaan Allah SWT. Perkara ini dapat dilihat nilai insaniah dalam diri seorang isteri dapat mendekatkan diri dengan unsur rabbaniyah menerusi keredhaan yang diberikan oleh seorang suami kepada isterinya.

Bukan sahaja itu sahaja, watak yang ditunjukkan menerusi drama ini telah memberikan banyak nilai negatif dalam masyarakat untuk sentiasa berhati-hati dan menjadikan ianya satu nilai moral dalam kehidupan bukan sahaja tidak taat akan suaminya malahan watak Salwa ini juga kurang melakukan amal ibadah untuk menjadi bekal amalan di akhirat nanti. Menurut pandangan Intan Zahariah, Arba ‘ie (2019) menyatakan bahawa setiap makhluk yang diciptakan adalah bertujuan untuk melakukan ibadah yang telah diperintahkan oleh Allah SWT. Perkara ini juga telah dinyatakan oleh Noordin Hassan (1983) di dalam kajian Intan Zahariah, Arba ‘ie (2019) iaitu *Beriman kepada Allah SWT sebagai fitrah manusia dalam skrip drama ‘Tiang Seri Tegak Berlima’* karya Noordin Hassan beriman kepada Allah SWT sudah sebatи dengan fitrah manusia, seseorang itu seharusnya mencari keredhaan Allah SWT. Akibatnya, Tuhan harus disembah dalam banyak cara, termasuk melalui kerja, dan manusia harus melayani Dia sebagai khalifah-Nya di bumi. Karya Noordin Hassan mungkin, dalam pengertian ini, menyeru kepada individu yang bijaksana dan hasanah untuk merealisasikan dan memenuhi tuntutan Islam sebagai bentuk kesyukuran kepada Allah SWT.

Bertitik tolak daripada itu, menerusi drama yang dipilih terdapat juga beberapa situasi yang mempunyai persamaan yang sama dengan keadaan semasa. Sebagai contoh, pada paparan *Berita Harian Online* (2023) menyatakan bahawa “*Seks bebas antara*

*“punca 4000 remaja hamil setiap tahun”*. Menurut pandangan Dr Engku Husna (2015) didalam *Berita Harian Online* (2023) menyatakan bahawa “*Seks bebas antara punca 4000 remaja hamil setiap tahun*” menyatakan bahawa kehamilan berlaku berpunca daripada aktiviti-aktiviti liar iaitu gejala seksualitis bebas di dalam kelompok remaja dan juga kurangnya pemantauan dari ibu bapa terhadap anak-anak.

### **Seks bebas antara punca 4,000 remaja hamil setiap tahun**

Hazira Ahmad Zaidi  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)  
August 16, 2023 @ 11:47am



Foto hiasan. - Reuters

KOTA BHARU: Anggaran statistik Kementerian Kesihatan (KKM) bahawa secara purata 4,000 remaja perempuan bawah usia 18 tahun negara ini, hamil

Gambar 6: Isu Semasa  
Sumber: Internet

Perkara ini jelas dapat dilihat menerusi drama *Quran Buruk* karya Rasyid Sibir berkaitan dengan isu semasa yang sentiasa diperkatakan. Dalam konteks ini, Rasyid Sibir ingin menyampaikan pengajaran kepada masyarakat khususnya golongan-golongan remaja berkaitan dengan pergaulan bebas. Walaupun berada di dalam keluarga yang mempunyai ilmu agama yang tinggi aktiviti pergaulan bebas tetap berlaku. Hal ini kerana iman yang dimiliki oleh ibu bapa tidak dapat diwarisi sepenuhnya oleh anak-anak. Sebagai contoh, watak khadijah anak kepada Imam Adam dan Salwa sentiasa keluar secara diam-diam bersama teman lelakinya tanpa pengetahuan ayahnya.



Gambar 7: Khadijah bersama teman lelakinya di kampung

Sumber: *Youtube*

Dalam hal ini, nilai kemanusian menurut islam mengenai wanita di dalam kajian Mulyani Djakaria (2018) *Perlindungan Hukum Bagi Pekerja Wanita Untuk Memperoleh Hak-Hak pekerja dikaitkan dengan kesihatan reproduksi* telah menyatakan bahawa insaniah wanita sangat berharga dan tinggi nilainya. Perwatakkan yang suci dapat menjadikan seseorang wanita sangat cantik untuk dipandang. Banyak contoh amalan yang tersasar dari petunjuk Allah s.w.t. Salah satu perkara yang tidak bermoral ialah berjaga malam dengan melakukan perkara yang sia-sia. Pada zaman pemodenan ini, seseorang remaja mudah kehilangan masa dengan itu mereka menggunakan pelbagai teknologi kontemporari, termasuk komputer, telefon bimbit, dan seumpamanya, sehingga diabaikan sehingga larut malam. Kesihatan seseorang individu boleh terjejas dengan ketara oleh ini, terutamanya jika mereka seorang wanita Islam.

#### 4.3.2. Pengisian Karya

Kandungan bagi pengisian karya-karya ini mengandungi beberapa elemen intrinsik di dalamnya iaitu berkaitan persoalan-persoalan karya yang dihasilkan, tema dalam sebuah karya, pemikiran pengkarya itu, ideologi-ideologi yang dilontarkan dan sebagainya. Dalam konteks ini, penghasilan karya-karya yang berteraskan teori taabudiyah ini perlu berteraskan dengan elemen dakwah keislaman. Selain daripada itu, proses dalam pembuatan sesebuah karya perlu diolahkan dengan baik oleh pengarang bagi tujuan memasukkan elemen keislaman dan menyebatikannya di dalam sebuah karya. Proses-proses kreatif adalah sesuatu perkara yang dapat disampaikan dengan menarik kepada khalayak ramai dalam masa yang sama isu yang diketengahkan juga tidak lari dari dasar dakwah keislaman yang ingin disampaikan iaitu mesej-mesej pengajaran yang ingin disampaikan, pengisian-pengisian yang dipilih. Tambahan juga, setiap karya yang dihasilkan oleh para pengkarya perlulah mempunyai kesamaan dengan para penonton supaya hasil karya yang dibuat mempunyai manfaat tersendiri.

##### 4.3.2.1. Pendekatan diri kepada Maha Pencipta

Bertitik tolak daripada itu, kehidupan bagi insan yang bergelar seorang muslim perlulah sentiasa mendekatkan diri dengan Maha Pencipta. Dalam hal ini seseorang itu perlulah sentiasa menjaga amal ibadahnya dengan baik agar setiap amalan yang dibawa dapat dipertingkatkan. Ibadah-ibadah fardhu yang dilakukan oleh seorang individu muslim dapat menjadikan seseorang itu dekat dengan Maha Pencipta. Menerusi penghujahan yang dibincangkan di dalam kajian ini dapat dilihat ianya merupakan konsep yang dimiliki di dalam teori keislaman iaitu taabudiyah. Perkara-perkara sebegitu dapat ditakrifkan dengan mesej pengajaran yang ingin disampaikan.

Seterusnya, dalam menghasilkan karya yang mempunyai pendekatan diri dengan

Yang Maha Esa. Plot cerita yang disampaikan perlulah bebas dan gaya bagi penulisan yang dibuat tidak memberi kesan keburukan kepada penonton yang melihatnya. Selain daripada itu, unsur-unsur yang diterapkan di dalam sebuah karya itu perlulah kearah mengajak untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan perkara yang melarangkan.

Di dalam penulisan yang dikaji ini, terdapat banyak nilai dakwah moral yang ditunjukkan di dalam drama ini. Dalam konteks ini, terdapat dua unsur moral yang kontra di dalam karya drama yang dipilih. Sebagai contoh nilai moral positif iaitu nilai ini merupakan nilai yang dapat dijadikan sebagai contoh masyarakat bagi melakukan sesuatu kebaikan. Jika dilihat menerusi drama ini watak Imam Adam merupakan seorang yang sangat mementingkan amal ibadah iaitu solat 5 waktu dan mementingkan perkara-perkara wajib dilakukan bagi golongan masyarakat islam. Menerusi drama *Quran Buruk* karya Rasyid Sibir ini dapat dilihat terdapat banyak nilai moral menerusi watak Imam Adam yang dapat dijadikan sebagai contoh untuk menjadi ikutan kepada masyarakat. Contohnya babak Imam Adam sentiasa meluangkan masanya untuk membaca Al-Quran.



Gambar 8: Imam Adam sedang membawa Al-Quran

Sumber: *Youtube*

Menurut pandangan Eka Safliana pada tahun 2020 di dalam kajian *Al-Quran sebagai Pedoman Hidup Manusia* menyatakan Al-Quran adalah sebuah kitab yang sangat penting di dalam kehidupan bagi masyarakat islam. Hal ini demikian kerana, kitab ini merupakan kitab agung yang telah diturunkan kepada manusia melalui Nabi Muhammad

S.A.W. Dalam konteks ini, kitab suci Al-Quran merupakan kitab yang dapat memberi petunjuk kepada manusia tentang cara menjalani kehidupan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Pengajaran yang baik untuk membimbing hubungan antara keluarga dan orang lain, antara pelajar dan guru, dan antara manusia dengan Tuhan yang boleh didapati di dalam Al-Quran. Di dalam drama *Quran Buruk* ini terdapat banyak nilai kebaikan yang ditunjukkan di dalam watak Imam Adam. Hal ini demikian kerana, pengarah bagi drama ini ingin menjadikan ianya sebagai perkara kebaikan yang dapat dijadikan contoh dan juga menjadi ikutan kepada masyarakat yang melihat watak tersebut dalam mendekatkan diri kepada Allah.

#### **4.3.2.2. Unsur memberi salam kepada orang**

Memberi salam kepada orang sekeliling adalah tindakan sopan dan menghormati. Salam dapat mencerminkan kesopanan, kehangatan, dan sikap hormat terhadap orang lain. Tindakan memberi salam merupakan tanda penghargaan kepada orang di sekeliling. Hal ini demikian kerana, merujuk maksud bagi salam tersebut ialah salam sejahtera keatas kamu. Perkara itu dapat mendoakan seseorang itu supaya sentiasa bahagia dan sempurna dalam kehidupan sehari-hari. Menerusi kajian yang dilakukan terdapat beberapa babak yang menunjukkan elemen memberi salam kepada orang sekeliling. Tambahan juga, watak yang sentiasa memberi salam di dalam kajian ini ialah watak Imam Adam. Watak Imam Adam di dalam drama ini ialah seorang yang sangat tinggi tahap kesabaran, seorang yang sentiasa rajin melakukan ibadah seorang suami , bapa dan juga imam yang sentiasa mengingati tentang ibadah. Hal ini demikian kerana watak Imam Adam ingin menjadikan penduduk di kampungnya supaya sentiasa tidak terpesong dari agama islam.



Gambar 9: Imam Adam sedang memberi salam kepada Samad

Sumber: *Youtube*

Merujuk babak diatas dapat dilihat, bahawa pengkarya ingin menyampaikan kepentingan adab memberi salam kepada orang sekeliling dalam konteks agama islam. Hal ini demikian kerana memberi salam dapat menunjukkan satu penghormatan terhadap orang lain. Ini menunjukkan bahawa kita mengakui akan keberadaan seseorang itu dengan kita dan bersedia untuk berinteraksi bersama dengan baik. Bukan itu sahaja, pengucapan salam ini dapat melambangkan diri seseorang itu sangat ramah dengan orang sekeliling dan berpegang kepada prinsip saling bertegur sapa. Perkara ini bukan sahaja dapat disukai oleh orang sekeliling malahan ianya juga dapat mendekatkan diri kita kepada yang Maha Esa.

*“Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.”*

Surah An-Nur: 86

Merujuk kepada petikan ayat diatas dapat dilihat bahawa Allah SWT sangat suka orang yang sentiasa memberi pengucapan penghormatan melalui lisan iaitu dengan memberi salam. Hal ini demikian kerana, dengan memberi pengucapan yang indah ianya dapat menghubungkan lagi hubungan sesama mahkluk tanpa hiraukan pangkat dan

nama tersendiri. Oleh hal yang demikian, memberi salam adalah bentuk ekspresi sosial yang membantu menciptakan hubungan yang positif antara individu dan mendukung norma-norma sosial yang ada dalam suatu masyarakat.

Dengan demikian, melalui teori ta'abudiyah, kita dapat melihat bagaimana drama "*Quran Buruk*" menggambarkan hubungan yang kompleks antara unsur Rabbaniyah dan Insaniah, perkara ini sangat penting dalam pengabdian kepada Tuhan dan perlakuan yang baik terhadap sesama manusia di dalam ibadah. Drama ini mungkin menggambarkan pengalaman spiritual watak-wataknya melalui interaksi mereka dengan ajaran agama dan situasi kehidupan yang rumit. Unsur Rabbaniyah dapat dilihat sebagai sumber pengetahuan dan petunjuk spiritual, sementara unsur Insaniah menggambarkan cara manusia menafsirkan dan mengalami hubungan mereka dengan Tuhan melalui interaksi sosial dan kehidupan sehari-hari. Teori ta'abudiyah menekankan keseimbangan antara ketataan kepada Tuhan dan penghormatan terhadap manusia sebahagian dari ibadah. Dalam drama "*Quran Buruk*", hubungan ini mungkin ditonjolkan melalui watak-watak yang berusaha mempraktikkan ajaran agama mereka sambil memperlakukan sesama manusia dengan hormat dan keadilan.

#### **4.4. Keistimewaan Hubungkait antara Unsur Rabbaniyah dan Unsur Insaniah dalam membentuk keperibadian manusia yang seimbang**

Menurut pandangan Rosmah Derak (2020) di dalam kajian *Pemikiran Dalam Novel-Drama Bila Tuhan Berbicara Karya Faisal Tehrani* telah menyatakan bahawa Protagonis cerita ini, pengarah, yang sering ditunjukkan sebagai Faisal Tehrani sendiri, pentas artis atau dramatis memainkan tema Islam, sastera Noordin Hassan telah

memberikan arahan yang penting. Dramatis boleh menggunakan enam prinsip yang disenaraikan oleh Noordin Hassan untuk mencipta drama bertemakan Islam. Pertama ialah keyakinan bahawa iman kepada Tuhan adalah fitrah manusia. Keperluan kedua ialah pengarang memahami bahawa seluruh perkara yang diciptakan oleh Tuhan ialah menyerahkan diri kepada-Nya. Ketiga, niat kerja dan amal kebaikan berlandaskan agama yang murni dan syariah. Keempat, jika kita beriman kepada Tuhan, ia sepatutnya menghasilkan hasil rohani yang merupakan keyakinan yang tidak berbelah bagi yang tidak dipersoalkan sedikit pun. Kelima, sementara pembaca atau penonton bukan Islam akan mendapat manfaat moral daripada garis panduan keempat, pembaca Islam atau penonton drama alam mesti dipengaruhi olehnya. Akhir sekali, teater alam mestilah mampu menyentuh perasaan, contohnya babak jihad mempertahankan negara mesti meninggalkan kesan patriotik dan cintakan agama (Faisal Tehrani, 2007: 57-60). Dengan panduan itu, Faisal Tehrani cuba menerapkan prinsip-prinsip teater alam dalam novel-novel tersebut dengan menggabungkan novel dan drama dalam penceritaan ini yang seterusnya membentuk wacana dan pemikiran tentang sebuah drama Islamik.

#### **4.4.1. Pemaparan unsur dakwah Islam secara lisan**

Elemen kebudayaan, khususnya Agama Islam, dalam penyiaran televisyen memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi dan pemahaman masyarakat terhadap nilai-nilai agama. Dalam konteks ini, pemaparan elemen kebudayaan Islam melalui episod-episod televisyen memaparkan konsistensi yang menonjol, dan unsur-unsur ini disampaikan melalui dialog perbualan serta adegan dalam drama adaptasi. Suranto Aw (2018) menggariskan bahawa komunikasi secara lisan, seperti yang terdapat dalam dialog perbualan atau adegan drama, melibatkan kemampuan berucap yang membolehkan menyampaikan perkara dan maklumat

dengan jelas dan berkesan kepada audiens. Menerusi kajian yang dilakukan di dalam drama *Quran Buruk* karya Rasyid Sibir memaparkan babak Imam Adam memberikan salam ketika berjumpa dengan sesiapa sahaja yang beliau bertemu.



Gambar 10: Imam Adam memberikan Salam kepada Mariam

Sumber: *Youtube*

Merujuk babak di atas dapat digambarkan bahawa nilai memberi salam merupakan nilai yang sangat baik di sisi agama Islam. Hal ini demikian kerana, dengan pengucapan memberi salam kepada orang ramai kehidupan seseorang itu akan sentiasa harmoni dan sejahtera. Bukan itu sahaja, dengan banyak memberi salam kita akan sentiasa dekat dengan Nya malahan ramai yang akan menyukai kita dek kerana sapaan yang ringkas itu akan membuatkan kita perolehi ukhuwah yang banyak.

*“...Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu...”*

Surah An-Nisa, 1

Merujuk petikan surah diatas, dengan memperbaiki ukhuwah (hubungan persaudaraan) adalah satu tindakan yang sangat ditekankan dalam Islam, dan jika dilakukan dengan niat yang ikhlas dan sesuai dengan ajaran agama, tindakan tersebut dapat mendapat keredhaan Allah. Oleh itu, dengan pemaparan elemen kebudayaan Islam yang konsisten dan berkesan melalui media televisyen, masyarakat dapat

mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai nilai-nilai agama, membentuk persepsi positif, dan merangsang pemikiran ke arah penerapan ajaran agama dalam kehidupan sehari-hari.

Bukan sahaja sapaan ditampilkan secara konsisten dalam drama ini, malah ungkapan keagamaan seperti "alhamdulillah" juga kerap digunakan dalam tayangannya. "Segala puji bagi Allah" ialah ungkapan bahasa Arab "Alhamdulillah" yang lazimnya diucapkan apabila seseorang menerima atau mendengar sesuatu yang positif dalam kehidupan.

Melalui kajian yang dijalankan unsur dakwah secara lisan ini mempunyai hubungkait antara unsur rabbaniyah dan unsur insaniah. Sebagai contoh seseorang yang sering menggunakan lisan untuk menyapa orang sekeliling bukan sahaja dapat menjadikan diri contoh tauladan kepada orang yang melihatnya malahan diri sentiasa mendapat rahmat dari Yang Maha Esa. Perkara tersebut dapat memberikan kita memiliki akhlak yang baik dan seimbang dari segi dunia mahupun akhirat.

#### **4.4.2. Pemaparan unsur dakwah menerusi tingkah laku (visual)**

Menurut Osman et al. (2015), visual dalam konteks pemaparan elemen Agama Islam dalam drama merujuk kepada bentuk komunikasi yang menggunakan imej visual, seperti gambar, dengan tujuan menyampaikan, mempengaruhi, dan memberi kesan emosi terhadap khalayak penerima. Dalam konteks drama yang membincangkan Agama Islam, visual menjadi salah satu medium yang kuat untuk menyampaikan ajaran agama dan mempengaruhi pemahaman serta perasaan penonton. Visual dapat digunakan untuk menyampaikan nilai-nilai moral dan etika dalam agama Islam. Melalui gambar atau

adegan drama dapat menggambarkan karakter yang mengamalkan nilai-nilai seperti kejujuran, keadilan, dan kasih sayang, memberikan contoh konkret kepada penonton. Menerusi drama *Quran Buruk* ini memaparkan visual berkaitan dengan pemaparan wanita berhijab. Sebagai contoh watak Mariam yang sentiasa memakai tudung ketika hendak keluar dari rumah.



Gambar 11: Mariam memakai tudung ketika keluar dari rumah

Sumber: *Youtube*

Menutup aurat bagi wanita memiliki kepentingan yang mendalam dalam konteks agama Islam dan masyarakat yang menghargai nilai-nilai moral dan etika.

“...Wahai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin, “Hendaklah mereka menutupkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka...”

Surah Al-Ahzab: 59

Merujuk kajian yang dilakukan, penutupan aurat membantu menjaga kehormatan dan martabat seorang wanita. Dengan menutup aurat, wanita dapat menghindari situasi-situasi yang dapat merendahkan atau merosak harga diri dan martabatnya. Oleh hal yang demikian, menutup aurat bagi wanita sangat penting dalam mencakup aspek-aspek keagamaan, moral, dan sosial yang berdampak positif pada diri mereka sendiri, keluarga, dan masyarakat secara keseluruhan. Hal ini juga menjadi salah satu cara untuk menjaga ketertiban dan moralitas dalam masyarakat yang berlandaskan nilai-nilai agama.

Dengan demikian, keistimewaan hubungan antara unsur Rabbaniyah dan Insaniah terletak pada kemampuannya untuk membentuk keperibadian manusia yang seimbang, yang memiliki kedalaman spiritual dan kepekaan sosial yang sama-sama penting dalam mencapai kesejahteraan individu dan masyarakat. Unsur Rabbaniyah memberikan landasan spiritual yang kuat bagi individu, membantu mereka mengembangkan hubungan yang mendalam dengan Tuhan. Sementara itu, unsur Insaniah memperkuat aspek sosial keperibadian, mendorong individu untuk memperhatikan, memahami, dan membantu sesama manusia. Gabungan keduanya memastikan keseimbangan antara pertumbuhan spiritual dan interaksi sosial yang sihat.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

#### 4.5. RUMUSAN

Tuntasnya, hubungan yang seimbang antara unsur Rabbaniyah (yang berkaitan dengan dimensi rohaniah dan hubungan manusia dengan Tuhan) dan unsur Insaniah (yang berkaitan dengan dimensi kemanusiaan dan hubungan antarmanusia) memegang peranan penting dalam membentuk keperibadian manusia yang seimbang. Keseimbangan ini membawa keistimewaan dan kebermaknaan dalam perkembangan individu. Keseimbangan antara unsur Rabbaniyah dan Insaniah membantu individu mengarahkan hidupnya ke arah tujuan yang bermakna. Ini menciptakan keseimbangan antara tujuan spiritual dan tujuan yang berkaitan dengan kehidupan sosial. Dengan demikian, kesimbangan antara unsur Rabbaniyah dan Insaniah bukan hanya menciptakan keperibadian yang harmonis, tetapi juga memberikan landasan untuk hidup yang penuh makna dan bernilai. Ini menjadi pondasi bagi individu untuk menjadi anggota masyarakat yang bertanggung jawab, peduli, dan bermanfaat, sambil tetap memelihara hubungan yang kokoh dengan Tuhan.

UNIVERSITI  
Negeri  
SULTAN  
MAHLANG  
KELANTAN

## BAB 5

### RUMUSAN

#### 5.1. PENGENALAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan bagi kajian yang telah dijalankan menerusi beberapa objektif kajian yang telah dilakukan pada awal kajian ini. Kronologi pada bahagian ini mempunyai 3 rangkuman yang dapat membantu dalam mengukuhkan lagi perbincangan bagi tajuk yang telah dipilih. Bahagian pertama bagi bab ini akan menerangkan tentang hasil perbincangan yang telah diteliti oleh pengkaji. Selain daripada itu, pada bahagian yang kedua pula pengkaji akan meneruskan huraian berkaitan dengan implikasi terhadap kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Pada bahagian yang terakhir pula, pengkaji akan menghuraikan berkaitan dengan cadangan yang boleh dilaksanakan kepada masyarakat berkaitan dengan kajian yang dipilih dalam menambahbaikkan kajian yang dilakukan.

## 5.2. HASIL PERBINCANGAN

Hasil bagi perbincangan yang dilakukan adalah analisis objektif berkaitan dengan nilai-nilai insaniah dan rabbaniyah dalam drama *Quran Buruk*. Menerusi drama karya Rasyid Sibir ini telah terbukti mempunyai pelbagai unsur nilai-nilai insaniah dan rabbaniyah yang dapat membentuk peribadi masyarakat berakhlak berdasarkan elemen teori yang dipilih iaitu teori taabudiyah. Menerusi hasil kajian ini, pengkaji dapat menjadikan karya sastera menerusi drama yang dipilih sebagai salah satu medium pembelajaran dalam membentuk identiti masyarakat berakhlak dari segi insaniah dan rohaniah menerusi nilai-nilai insaniah dan juga rabbaniyah di dalam karya Rasyid Sibir iaitu drama *Quran Buruk*. Dalam konteks ini, iaanya dapat membantu bagi setiap sisi pengkaji untuk melahirkan insan yang mempunyai nilai-nilai moral dalam membentuk akhlak masyarakat.

Bertitik tolak daripada itu, penulisan kajian yang dipilih telah menggunakan teks drama *Quran Buruk* yang memiliki persoalan yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat dengan menerapkan nilai-nilai insaniah dan rabbaniyah. Bukan itu sahaja, drama yang dipilih juga dapat dijadikan sebagai sumber bahan pendidikan kepada generasi-generasi muda melalui nilai-nilai moral yang terdapat di dalamnya. Hal ini, terbukti bahawa elemen drama-drama sebegini juga dapat mempunyai sumber pendidikan yang dapat dijadikan sebagai pengajaran dalam kehidupan.

Meneliti perbincangan yang dihuraikan oleh pengkaji analisis bagi objektif yang pertama adalah merupakan menghuraikan hubungkait unsur rabbaniyah dan unsur insaniah menerusi drama *Quran Buruk* karya Rasyid Sibir. Dalam konteks ini, kebanyakkan penghujahan yang terbina di dalam kajian ini, pengkaji banyak

menggunakan kaedah kepustakaan bagi tujuan membantu mengukuhkan lagi analisis yang dilaksanakan. Tambahan juga, pengkaji juga menggunakan sumber rujukan seperti kamus dewan bahasa dan pustaka dalam membantu menghuraikan lebih mendalam berkaitan definisi dan juga maksud yang digunakan oleh pengkaji. Oleh hal yang demikian, hasil-hasil yang telah dilakukan menerusi sumber kepustakaan ini, dapat membantu pengkaji dengan mengetahui lebih mendalam berkaitan topik kajian yang dilaksanakan berkaitan dengan drama yang dipilih dalam memberikan pelbagai pengajaran dan juga erti kehidupan dalam membentuk akhlak yang lebih bersahsiah.

Disamping itu, drama yang dipilih ini merupakan karya Rasyid Sibir drama telefilem yang ke 11 dan diterbitkan pada tahun 2004. Drama ini terdapat pelbagai jenis pemikiran yang dapat memberikan impak positif kepada pembaca memahami nilai-nilai pengajaran yang terdapat dalam kehidupan dalam sesebuah karya yang dipilih. Menerusi drama yang dipilih ini juga banyak terkandung watak antagonis yang dapat memberi kesan yang mendalam kepada penonton untuk sentiasa menjadikan ianya sebagai satu pengajaran dalam kehidupan.

Tambahan juga, penulisan kajian ini juga diperkuuhkan dengan deduktif teori taabudiyah menerusi drama *Quran Buruk*. Seterusnya, teori ini, didedahkan kerana ianya mempunyai pertalian yang rapat dalam kebudayaan bagi masyarakat Melayu iaitu seperti dari segi lisan (percakapan) dan juga tindak balas iaitu tingkah laku. Teori ini juga mempunyai 4 elemen yang terpenting dalam mengukuhkan lagi isu yang dihuraikan iaitu latar belakang penulis, pengisian karya, teknik penulisan dan juga fungsi karya. Jika dilihat kajian ini lebih tertumpu kepada huraian berkaitan dengan pengisian karya dan juga sedikit sebanyak berkaitan dengan teknik penulisan. Oleh hal yang demikian jelas dapat dilihat bahawa menerusi diksi teori yang dipilih,

ianya dapat dijadikan sebagai sumber pendidikan kepada generasi-generasi muda dalam membentuk akhlak yang baik dari segi rohaniah dan juga insaniah bersandarkan nilai yang dibawa di dalam karya drama yang telah dipilih.

Bertitik tolak daripada itu, pelbagai jenis nilai-nilai moral yang dapat diperolehi di dalam kajian ini sebagai contoh, nilai rendah diri, nilai kemanusiaan, nilai ketuhanan, nilai insaniah dan sebagainya. Kepelbagaian nilai-nilai ini dapat memberikan panduan dalam mengukuhkan lagi penulisan kajian. Dalam konteks ini, kepelbagaian nilai moral yang dihuraikan juga dapat menarik minat golongan muda dalam membentuk akhlak yang baik.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 5.3. IMPLIKASI KAJIAN

Di dalam bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan beberapa perkara berkaitan dengan kesan yang dihadapi oleh beberapa pihak yang memiliki unsur kaitan dalam kajian ini. Menurut pandangan saudari Liza Diniarizky pada tahun 2017 didalam kajian Nazra Aliff (2020) *Drama Adaptasi Korea: Suatu Analisis Terhadap Pemaparan Islam Dalam Drama My Coffee Prince (Korean Adaptation Drama: An Analysis of Islamic Potrayal in My Coffee Prince Drama)* televisyen merupakan sebuah teknologi yang dapat menimbulkan kesan-kesan visual dan juga bunyi pada telinga serta dapat menarik minat orang ramai untuk menonton bersama. Selain daripada itu, teknologi televisyen ini juga dapat membantu orang ramai mengetahui lebih dekat tentang isu semasa sama ada di dalam atau di luar negara. Hal ini demikian kerana tenaga solar yang diperbuat oleh masyarakat telah membantu pengetahuan masyarakat mengetahui tentang sesuatu isu tersebut. Bukan itu sahaja, teknologi televisyen ini juga dapat melahirkan sesebuah karya yang dapat melahirkan dan menzahirkan menerusi sesebuah filem, drama ataupun cerita pendek di kaca televisyen. Selain daripada itu, menurut pandangan saudari Azura dan juga Saudara Faizul (2013) menerusi kajian yang bertajuk *Drama Adaptasi Korea: Suatu Analisis Terhadap Pemaparan Islam Dalam Drama My Coffee Prince (Korean Adaptation Drama: An Analysis of Islamic Potrayal in My Coffee Prince Drama)* karya Liza Diniarizky pada tahun 2017 karya-karya yang dihasilkan menerusi drama sebahagiannya mempunyai nilai-nilai moral yang dapat memberi kesan dan juga galakkan yang baik kepada penonton untuk dijadikan sebuah pengajaran. Tambahan juga, perubahan-perubahan informasi dan juga komunikasi yang semakin hari semakin berteknologi ini mampu melebar sayap di ruangan-ruangan kecil dan juga dapat memudahkan dalam menyampaikan sesebuah informasi menerusi teks ataupun mesej-mesej di dalam sesebuah karya.

Bukan itu sahaja, menurut pandangan Dusuki pada tahun 2011 di dalam kajian yang bertajuk *Drama Adaptasi Korea: Suatu Analisis Terhadap Pemaparan Islam Dalam Drama My Coffee Prince (Korean Adaptation Drama: An Analysis of Islamic Potrayal in My Coffee Prince Drama)* karya Liza Diniarizky pada tahun 2017 karya menerusi drama-drama ataupun filem-filem adalah sebuah komponen yang sangat berkesan dalam melahirkan kesedaran kepada masyarakat perasaan keinsafan dalam diri. Hal ini demikian kerana penghasilan-penghasilan karya di dalam kaca televisyen yang berkualiti dapat menimbulkan kesan moral kepada para penonton. Dalam konteks ini, pemaparan nilai-nilai moral di kaca televisyen dapat memberikan unsur pengajaran dan dapat menzahirkan kebaikan kepada orang ramai. Di dalam kajian ini terdapat 3 elemen implikasi iaitu individu, masyarakat dan juga negara.

### **5.3.1. IMPLIKASI KEPADA INDIVIDU**

Menurut pandangan Zulkiple Abd Ghani pada tahun 2010 di dalam kajian Drama Cinta Islamik dan Pengaruhnya kepada Psikologi Cinta Remaja hasil kajian oleh Nur Aina, Syaidatun Nazirah dan juga Fariza (2018) elemen drama mempunyai pengaruh yang luas dalam dunia siber atau hiburan. Tambahan juga, iaanya dapat menjadi satu pendidikan dalam dakwah. Selain daripada itu, drama juga sebuah pembekal informasi yang memiliki pengaruh yang luas menerusi karya hiburan dalam pendidikan dan juga pengajaran. Menerusi kajian ini implikasi kajian terhadap individu yang dapat kita lihat ialah individu itu dapat memperbaiki diri untuk menjadi lebih baik. Hal ini demikian kerana setiap akibat yang telah dipertontonkan oleh orang ramai dapat memberikan inspirasi dan pengajaran kepada mereka untuk lebih menjadi manusia yang memiliki akhlak yang bermoral. Selain daripada itu juga, kajian ini dapat membantu individu dalam mendekatkan diri dengan Maha Pencipta. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi

kesedaran kepada individu untuk lebih dekat dengan Maha Pencipta kerana Dialah yang mampu memberikan segala-galanya kepada hamba-hambaNya.

Bertitik tolak daripada itu, kajian ini dapat membantu individu lain sebagai satu rujukan dalam sesebuah penulisan yang berkaitan dengan akhlak dan juga peribadi individu. Hal ini demikian kerana, kajian yang dibuat berkaitan dengan insaniah dan rabbaniyah masih lagi kurang diberi perhatian. Dalam konteks ini, karya drama kurang diberi perhatian dek kerana kebanyakkan golongan remaja kurang meminati drama yang berkaitan dengan ketuhanan. Hal ini, mereka berpendapat bahawa drama yang berunsur ketuhanan memberi kebosanan kepada mereka ketika menontonnya.

### **5.3.2. IMPLIKASI KEPADA MASYARAKAT**

Menurut pandangan Grondona (2000) di dalam kajian *Drama Adaptasi Korea: Suatu Analisis Terhadap Pemaparan Agama dan Adat dalam Drama ‘Alamatnya Cinta’* karya Nazra Aliff dan juga Abdul Latiff pada tahun 2020 menyatakan bahawa prinsip agama mempunyai peranan di dalam harian manusia kerana ianya juga berkait rapat dengan seseorang individu. Dalam konteks ini, kesan terhadap masyarakat menerusi kajian ini ialah dapat membuka mata masyarakat untuk sentiasa mengamalkan prinsip bertegur sapa dan saling mengamalkan sikap kejiraninan. Hal ini demikian kerana, kejiraninan sangat penting dalam agama islam bagi membentuk perpaduan masyarakat yang harmoni. Dengan menghasilkan kajian yang sebegini ianya bukan sahaja mendidik masyarakat untuk sentiasa berbuat baik dengan orang sekeliling malahan ianya juga dapat mendekatkan diri dengan Maha Pencipta serta dapat membentuk masyarakat yang saling membantu antara satu sama lain.

Bukan itu sahaja, salah satu sumbangan dan pandangan yang mungkin diperoleh oleh masyarakat ialah kepentingan memasukkan adab berbahasa ke dalam komunikasi. Seperti yang terbukti sekali lagi dalam bahagian analisis sebelum ini, pengkaji turut memberikan penjelasan tentang maksim-maksim yang telah menunjukkan berlakunya bahasa yang santun. Antaranya ialah maksim dermawan yang ditunjukkan dengan menggunakan istilah-istilah yang menyanjungi pendengar. Ini akan menghasilkan gaya komunikasi yang positif dan harmoni. Masyarakat boleh mempraktikkan pengajaran yang diperoleh daripada analisis dalam komunikasi harian mereka. Ini menunjukkan betapa pentingnya pilihan perkataan dalam perbualan. Tuntasnya, masyarakat yang menjunjung tinggi penekanan kajian terhadap kesantunan berbahasa akan mewujudkan budaya yang menyanjung tinggi akan tatasusila percakapan. Menurut pandangan Dewi Chandra Hazani, STID Mustafa Ibrahim (2019) di dalam kajian *Pola Komunikasi Antar Budaya Dalam Membangun Harmonisasi Masyarakat Heterogen di Kota Mataram* perkataan dalam sesuatu bahasa dihalang oleh beberapa peraturan. Dengan hanya menukar perbendaharaan kata dan peraturan tatabahasa untuk mempunyai makna yang sama, mempelajari bahasa asing adalah proses yang mudah. Selain berfungsi sebagai alat komunikasi, bahasa adalah representasi persepsi dan kognisi. Bersama dengan membimbing kita dalam merasakan dan mentafsir pengalaman sosial kita, bahasa juga membantu dalam pembentukan konsep dan pengelompokan objek melalui kategori lisan dan prototaip.

### 5.3.3. IMPLIKASI KEPADA NEGARA

Penggunaan elemen insaniah (manusia) dan rabbaniyah (keagamaan) dalam drama unsur dakwah dapat memberikan berbagai dampak positif kepada negara. Berikut adalah beberapa huraian terkait dengan kesan elemen insaniah dan rabbaniyah dalam

drama unsur dakwah terhadap negara sebagai contoh menyebarluaskan pesanan-pesanan kerohanian kepada seluruh masyarakat sama ada di dalam atau luar negara. Drama yang mempunyai pesanan keadilan dan kesetaraan berteraskan nilai-nilai rabbaniyah dan insaniah dapat memainkan peranan dalam menyuarakan hak-hak asasi manusia dan keadilan sosial. Ini dapat mendorong perubahan positif dalam masyarakat dan pemerintahan. Tambahan juga, elemen insaniah dan rabbaniyah dalam drama dakwah dapat digunakan untuk meningkatkan kesedaran sosial dan kemanusiaan. Cerita-cerita yang mencerminkan kepedulian terhadap sesama, ketertiban sosial, dan penyertaan dalam kegiatan amal dapat mengilhami masyarakat untuk berbuat baik. Dengan memanfaatkan drama unsur dakwah yang berfokus pada elemen insaniah dan rabbaniyah, negara dapat menciptakan lingkungan sosial dan budaya yang lebih berlandaskan pada nilai-nilai keagamaan dan etika. Hal ini dapat memberikan kontribusi positif terhadap pembangunan masyarakat yang lebih baik dan harmonis.

#### **5.4. CADANGAN**

Bahagian cadangan ini, pengkaji akan menghuraikan lebih lanjut berkaitan dengan beberapa penambahan cadangan berkaitan kajian unsur rabbaniyah dan unsur insaniah dalam drama yang dipilih. Hal ini, jelas dapat dilihat pengkaji telah mempunyai sebahagian cadangan dalam mengembangkan unsur rabbaniyah dan unsur insaniah di dalam sesebuah karya.

##### **5.4.1. Cadangan bagi pihak penulisan di dalam sesebuah syarikat penerbitan**

Menerusi cadangan ini, elemen dakwah secara pemerhatian oleh orang ramai mudah untuk diterima. Hal ini demikian kerana, masyarakat kini lebih gemar untuk menonton sesuatu perkara dan dalam masa yang sama ianya dapat membantu mereka dalam menyempurnakan ibadah. Sebagai contoh, pengarah bagi telefilem, drama, filem

atau sebagainya memaparkan banyak perihal berkaitan dengan unsur-unsur rabbaniyah. Bukan itu sahaja, menerusi cadangan kepada pihak penulisan penerbitan ini pihak mereka sentiasa mengangkat cerita-cerita seharian yang relevan dengan masyarakat moden, tetapi pihak penulisan penerbitan sentiasa selitkan pesanan-pesanan Islamik dan moral ke dalamnya. Hal ini membuat sesebuah drama itu lebih terkait dengan penonton masa kini. Tambahan juga, perkara itu dapat mengelakkan daripada penonton cepat bosan melihatnya.

#### **5.4.2. Cadangan bagi pengkaji-pengkaji baru**

Menerusi penulisan kajian yang dibuat, pengkaji telah mencadangkan supaya setiap pengkaji baru menggunakan unsur insaniah dan unsur rabbaniyah di dalam hasil penulisan kajian mereka. Hal ini bertujuan untuk mengekalkan lagi legasi dakwah dalam setiap para pengkaji di dalam sesebuah institusi. Bukan itu sahaja, nilai baik yang digunakan di dalam sesebuah kajian juga dapat membantu individu lain atau pengkaji lain dalam memperoleh sumber bahan rujukan yang berkaitan. Dengan menggabungkan kearifan dari legasi penulis-penulis terdahulu dan mengeksplorasi kreativitas sendiri, pengkaji baru dapat meneruskan dan dapat memperkayakan legasi penulisan kreatif yang berteraskan unsur insaniah dan rabbaniyah.

#### **5.4.3. Cadangan bagi pihak multimedia**

Menerusi penulisan kajian yang dilakukan, pengkaji telah bercadang agar pihak-pihak multimedia seperti pentadbiran bagi *facebook*, *instagram*, *Tiktok* dan sebagainya berperanan dalam menyajikan isu-isu yang menginspirasi dan mempromosikan nilai-nilai keagamaan. Kisah-kisah tentang perjuangan, keberanian, atau keteladanan dalam konteks keagamaan dapat membentuk narasi yang kuat. Selain itu juga, pihak digital pemasaran pendigital juga dapat melakukan aktiviti-aktiviti yang menerapkan

pendakwahan dalam konsep insaniah dan rabbaniyah iaitu dengan mengkolaborasikan dengan pakar keagamaan atau tokoh agama untuk memberikan wawasan dan pandangan yang mendalam. Kolaborasi semacam ini dapat memberikan keaslian dan otoritas pada konten. Hal ini demikian kerana manfaatkan menerusi media sosial ini untuk menyampaikan pesan-pesan keagamaan. Video singkat, infografis, atau kutipan-kutipan inspiratif dapat memudahkan dan mudah untuk dipahami serta dibagikan oleh pengguna media sosial yang melihatnya. Dengan mengintegrasikan elemen-elemen ini, pihak multimedia dapat menciptakan konten yang memperkaya secara intelektual, emosional, dan spiritual. Ini dapat menjadi saranan efektif untuk mengetengahkan elemen insaniah dan rabbaniyah dengan cara yang menyentuh hati dan memberikan inspirasi terhadap orang yang melihatnya.

### 5.5. RUMUSAN

Kesimpulannya, nilai-nilai insaniah dan rabbaniyah yang terdapat dalam drama *Quran Buruk* dapat memberikan contoh teladan dalam mendidik jiwa masyarakat untuk lebih berakhlak. Hal ini demikian kerana, watak-watak yang ditampilkan menerusi drama ini mempunyai nilai pengajaran tentang kehidupan. Tambahan juga, nilai-nilai moral seperti rendah diri, taat akan suruhanNya, kasih sayang bapa dan sebagainya dapat menjadikan ianya sebagai sumber pengajaran kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, nilai-nilai sebegini dapat membuka ruang positif kepada masyarakat dalam membaiki diri berakhlak mulia dalam kehidupan harian kerana drama *Quran Buruk* ini memiliki nilai-nilai baik yang dapat memberikan kebaikan buat diri dan juga orang ramai.

## RUJUKAN

- Abdullah, R. (1998). Permasalahan Moral Masyarakat Islam dari Perspektif Undang-Undang. *Jurnal Syariah*, 6, 81-96.
- Abdullah, S. Ghani, S. A, & Sipon, S. (2014). Harga Diri Remaja Terlibat dengan Seks Bebas *The Self-esteem of Teenagers Who Are Involved in Free Sexual Relations*.
- Asmah Haji Omar. (2016). *Perangai bergantung pada diri sendiri*. GerakBudaya Enterprise.
- Abu Hassan, Ummi Hani. (2011) "Drama dakwah di Malaysia: Kajian tentang proses penulisan skrip." PhD, University of Malaya.
- Ansori, Ansori, Zaini Tamin AR, Moch Kalam Mollah, and Fatchor Rahman. (2023) "penerapan standar enterprise syariah pada pengelola umkm untuk mempertahankan keunggulan pada masa pandemi covid-19." *Jurnal Istiqro* 9, no. 1 : 81-97.
- Aw, Suranto. (2018). An Evaluation Of A Public Relations Program In Promoting Synergistic Cooperation Between Schools And Industries. *Journal Problems and Perspectives in Management*. 16 (4), 353-364.
- Berita Harian (BH) Online (2019, Ogos 2). Johor Paling Tinggi Kes Buang Bayi. Diperoleh Daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/591886/johor-paling-tinggi-kes-buang-bayi>
- Balakrishnan Vishalache. (2008). Pendidikan Moral untuk Universiti dan Kolej ArahPendidikan.
- Bakar, A. H. A. (2015). Konsep tema Islami dalam Filem Islamik Syurga Cinta (2009). *Jurnal Pengajaran Melayu*, 26(1), 167-185.
- Bryan S. Turner, (1991), *Religion and Social Theory*, City University of New York, USA.
- Dr. Haron Din (2015). *Manusia Dan Islam Jilid Dua*. Percetakan Surya.
- Dr. H. Muhammad Hasbi (2016). *Ilmu Tauhid*. TrustMedia Publishing.
- Endraswara, S. (2011). *Metode Pembelajaran Drama*. Media Pressindo.
- Fakhruddin, F. M. (2020). *Tasawwur Islam: Penghayatan Dalam Kehidupan*. Universiti Putra Malaysia.
- Fuad ,M. B (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*. Universiti Utara Malaysia
- Hamka (2020). *Falsafah Ketuhanan*. Jejaka Tarbiah Publication.

- Hasbullah, H. Hatta, M. & Arifin, Z. (2018). Communication pattern of Wilayatul Hisbah, Lhokseumawe city in implementing amar makruf nahi mungkar. *Budapest international research and critics institute-journal (BIRCI-Journal)*, 1(4), 194-205.
- Hassan, Sarimah Che, Norlizah Che Hassan, & Nor Aisyah Buang. (2010) "Penguasaan kemahiran insaniah (kemahiran keusahawanan) dalam kalangan guru sekolah di Malaysia." In *proceeding of the 4th International Conference on Teacher Education*, pp. 8-10.
- Hanafiah, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad, and Mohd Firdaus Bin Che Yaacob. (2020)."Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu." *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*.
- Hardon, Anthony. John. (1989). Pocket Catholic Dictionary. New York: Bantam Doubleday Dell Publishing Group Inc.
- Komala, Fitri, and Muannif Ridwan. (2022). Keindahan Hukum Islam. *Jurnal Indragiri Penelitian Multidisiplin*, 2(3), 140-146.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khan, Salsabillah, Ruth Paath, & Victory Roty. (2021), "Analisis nilai moral dalam film "dua garis biru" karya Gina S. Noer dan implikasinya pada pembelajaran sastra." *kompetensi* 1, no. 09 : 780-785.
- Lasan, T. R. T., Noh, M. A. C., & Hamzah, M. I. (2017). Pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), 15-28.
- Lau, G. T., & Lee, S. H. (1999). Consumers' trust in a brand and the link to brandloyalty. *Journal of Market-Focused Management*, 4, 341-370.
- Ma'mor, B. Y. (2016). *Penerapan Unsur - Unsur Islam Aqidah, Syariah dan Tasawwuf dalam Novel Mahabbah, Ayat - Ayat Cinta dan Dunia Bukan Kita Punya berdasarkan Teori Taabudiyah dan Teori Teksdealisme*. Perpustakaan Tunku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah hlm 2-3.
- Mustari, Mohamad, & M. Taufik Rahman.(2014). *Nilai Karakter: Refleksi Untuk Pendidikan*. Rajawali.
- Muthmainah, Rizqi Nurul, and Neneng Sri Wulan. (2016). "Analisis konten dan nilai religius dalam komik kecil-kecil punya karya (KKPK)." *Riksa Bahasa: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pembelajarannya* 2, no. 1.
- Mana Sikana. 2014. *Teori Sastera Taabudiyah: Sastera Untuk Pengabdian*. PTS Publication.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad, Mohd Firdaus Che Yaacob, (2016), *Unsur Amanat dan Impak Lirik Dikir Barat Halim Yazid*. Jabatan Bahasa Melayu dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Mat, N. (2005). *Glosari Pengajian Melayu*. Cerdik Publications Sdn Bhd.

Nubli Abdul Wahab. (2008). *Pendekatan Personaliti Kontemporari*. Syarikat Percetakan Inderapura.

Nyia, See Keng (2004) Nilai-nilai kemanusiaan dalam sajak-sajak J.M. Aziz dan T.Alias Taib. Masters thesis, Universiti Putra Malaysia.

Nik, F. B. M. (2015) *Puisi Melayu dalam Drama Nordin Hassan*. Thesis, Universiti PutraMalaysia.

Osman, Zubaidah, Adzharuddin & Nor Azura. (2015). *Pengaruh Visual Dan Verbal Dalam Iklan Kempen Terhadap Emosi*. Journal of Education and Social Sciences. Vol 2. pp. 51-55.

Prof. Dr. Nyoman Kutha Ratna, S.U. (2007). *Estetika Sastra dan Budaya*. Pustaka Pelajar,hlm 4-5.

Priswantoro, A. A., Sulaksana, N. N., Endyana, C. C., & Mursito, A. A. T. (2021).Kesesuaian Lahan untuk Tanaman Kayu Putih sebagai Strategi Modifikasi Konservasi dan Kepentingan Nilai Tambah Ekonomi di Desa Cikembang, Kecamatan Kertasari, Kabupaten Bandung. *Jurnal Teknologi Lingkungan*, 22(1),068-077.

Razi, S. A. M. (2021). *Kepentingan Penyelidikan Kandungan Media Dalam Isu Salah Papar Amalan Perubatan Drama Televisyen Melayu Tempatan*. 63 2008, diperoleh pada 27 Mei 2023

Ria, M, Y. dan Darman, S. (2018). *Komitmen Organisasi Definisi, Dipengaruhi, Mempengaruhi*. Mas Media Pustaka.

Rianto, Hadi. (2016). "Implementas Nilai Kemanusiaan yang Adil dan Beradab di lingkungan sekolah." *Sosial Horizon: Jurnal Pendidikan Sosial* 3, no. : 80-91.

Ratna, N. K. (2007). Teori, Metode, Dan Teknik Penelitian Sastra dan Penelitian Sastra. *Yogyakarta: Pustaka Pelajaran*.

Samaon, S. S, & Subet, M. F. (2020). Perwatakan dalam novel kompasas “Di Sebalik Dinara”: Analisis teori relevan. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 84-100.

Sholihah, S. R. A., & Sholihah, S. R. A. (2017). *Analisis Feminisme dalam Novel Kartini Abidah El Khalieqy Relevansi Pembelajaran Sastra di Sekolah SMP Mandala Canggu*, (Doctoral dissertation, Universitas Islam Majapahit Mojokerto).

- Sulaiman, E. (2013). Hukum dan Kepentingan Masyarakat (Memosisikan Hukum sebagai Penyeimbang Kepentingan Masyarakat). *DIKTUM: Jurnal Syariah dan Hukum*, 11(1), 100-110.
- Siti Aishah, M., Wan Mazwati, W. Y., Rahimah, E., & Berhanundin, A. (2016). Kepentingan qasih sSariah (dharuriyyatt) di dalam silibus pendidikan moral di IPT bagi pemantapan tingkah laku pelajar, Terengganu.
- Suhaimy, K. A. M., & Noor, M. D. M. M. (2013). Meneroka Kerangka Analitikal Teori Sosiologi Max Weber dalam Mengkaji Pemikiran Pembangunan Tun Dr. Mahathir Mohamad. *Journal of Techno-Social*, 5(1).
- Sapdiani, R., Maesaroh, I., Pirmansyah, P., & Firmansyah, D. (2018). Analisis structural dan nilai moral dalam cerpen “kembang gunung kapur” karya hasta indriyana. *Parole (Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia)*, 1(2), 101-114.
- Salleh, S. F., Yahya, Y., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 45-63.
- Sinar Harian online (2020, Jun 2). Parti Liar Budak Sekolah Kena Gempur. Diperoleh daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/86006/edisi/utara/parti-liar-budak-sekolah-kena-gempur>
- Suhaida, A. B, Muhammad, S. I. M. T & Siti, A. Y. (2021). *Asas Kefahaman Islam Dalam Realiti Semasa*. Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Sofiyana, M. S., Aswan, N., Munthe, B., Wijayanti, L. A., Jannah, R., Juhara, S. & Fitriasari, N. (2022). *Metodologi Penelitian Pendidikan*. Global Eksekutif Teknologi.
- Supriadi, Asep. (2011) "Takmilah: Menuju Teori Sastra Islami." *atavisme* 14, no. 2 (2011): 242-253.
- Subqi, Imam. (2016). "Pola Komunikasi Keagamaan dalam Membentuk Kepribadian Anak." *INJECT (Interdisciplinary Journal of Communication)* 1, no. 2. 165-180.
- Saswandi, Tri, and Ayu Permata Sari. (2019) "Analisis penerapan nilai-nilai Al Islam dan Kemuhammadiyahan dalam perkuliahan." *Jurnal education: Jurnal Pendidikan Indonesia* 5, no. 1: 27-34.
- Usman, M. (2017). Tuhan dalam Perspektif Ibn Ṭufayl. *Ilmu Ushuluddin*, 4(2),109-124.
- Waliko, Waliko. (2007) "Konsep Dakwah Rabbaniyah dalam Perspektif Al-Quran (Kajian Tafsir maudhu' atas surat al-Ahzab ayat 9-27)." *Komunika: Jurnal Dakwah dan Komunikasi* 1, no. : 30-54.

- Yusoff, Y. M., & Awang, A. (2019). Kepentingan Nilai-nilai Islam dalam Pembangunan Diri Orang Kelainan Upaya (OKU) Kategori Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, 47, 105-118.
- Zin, N. M., & Kambol, R. (2022). Sumbang Mahram (Inses): Satu Perbandingan Antara Undang-Undang Jenayah Islam Dan Undang-Undang Jenayah Di Malaysia. *Journal of Law and Governance*, 4(1), 16-29.
- Zuhrah, F. (2021). Masjid, Moderasi Beragama Dan Harmoni Di Kota Medan. *Harmoni*, 20(2), 317-32

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN